

SIRI PENGETAHUAN 'UMUM DBP Bil: 1

**'ADAT RESAM MELAYU
DAN
'ADAT ISTI'ADAT**

oleh

Syed Alwi bin Sheikh Al-hadi

楊貴蓮珍藏
Koleksi Yang Quee Yee

Di-terbitkan oleh:

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu

Kuala Lumpur

1960

KANDONGAN BUKU INI

	Muka Surat
1. Sa-patah Kata	vi
2. Pengenalan	viii
3. Pendahuluan	xi
4. Gambar Raja Maimunah bt. Raja Hassan	xiii

Bahagian Pertama

I

1. 'ADAT RESAM MELAYU BERUMAH-TANGGA	1
2. 'ADAT RESAM BERSEKAMPONG	4

II

'ADAT RESAM KEBIASAAN	6
1. Bertindek	6
2. Bersunat	7
3. Beranak atau Bersalin	11
(i) Lenggang atau Kirim-perut	11
(ii) Hari Bersalin atau Beranak	14
(iii) Hari Chukor Kepala dan Memberi Nama Anak	15
(iv) Berpantang Empat Puluh Empat Hari	17
(v) Mandi Sa-lepas Pantang	18

III

'ADAT RESAM NIKAH KAHWIN	20
FASAL PERTAMA:	
(a) Menilek atau Menengok	21
(b) Meminang/Bertunang	24
(c) Menghantar Belanja dan/atau 'Akad	26
FASAL KEDUA:	
(a) Berendam dan Berasah Gigi	30
(b) Berhinai di-Pelamin	31
FASAL KETIGA:	
(a) Bersanding	33

	Muka Surat
(b) Mardi2 atau Berlimau	46
(c) Sambut-menyambut (Bertandang)	47
(d) Peratoran Jamuan Kenduri Kendara Kahwin	48
(e) Berkahwin Bujang atau Janda (Perempuan)	49
(f) Meminang Perempuan yang Janda atau Bujang	50
(g) 'Adat Atoran Perkahwinan Janda	51
(h) 'Adat Perkahwinan Janda Berhias	51

IV

'ADAT ATORAN BERKENAAN KEMATIAN	53
---------------------------------	----

Bahagian Kedua

'ADAT ISTI'ADAT DIRAJA MELAYU	63
------------------------------------	----

I

1. 'Adat Isti'adat Bahasa Raja	64
2. 'Adat Isti'adat Paksiain (Terahan)	65
3. 'Adat Isti'adat Mengadap Raja	66
4. 'Adat Isti'adat Istana, Balai, dan Pagar Kota Raja	68
5. 'Adat Isti'adat Marok Ka-dalam Balai atau Pagar Kota Raja	68
6. 'Adat Isti'adat Raja Berjalan	69
7. 'Adat Isti'adat Berjalan di-Jalan2 Raya	69
8. 'Adat Peratoran Bagi Penghulu Istana	70
9. 'Adat Isti'adat Penghulu Balai-rong Seri	71
10. 'Adat Isti'adat Sedun (Sa-Hilangan) di-Balai- rong	78

II

'ADAT PERATORAN GENDANG NORAT	80
------------------------------------	----

III

'ADAT PERATORAN RAJA KAHWIN	80
1. Mas-kahwin Raja Sama Raja Memerintah	80
2. Tertib Perarakan Menghantar Belanja	90

	Muka Surat
3. Mas-kahwin Bagi Anak2 Raja dan Orang Lain	91
4. 'Adat Isti'adat Mengarak Mempelai Raja Berusong	92
5. 'Adat Isti'adat Berikrar Setia	93

IV

'ADAT ISTI'ADAT MENABAL RAJA	96
1. Jawatan2 atau Penjawat2 Raja Bertabal	97
2. Pancha-persada	99
3. Balai-rong Seri	102
4. Permulaan Meletak Kerja	102
5. Penghulu Istana Pada Masa Tabal	103
6. Tertib kedudukan dan Pakaian di-Masa Tabal	104
7. 'Adat Atoran Nobat Pada Masa Tabal	105
8. 'Adat Atoran Biduan, Dian dan Kain-dukong Pada Masa Tabal	106
9. 'Adat Atoran Persiapan Angkatan Perarakan	107
10. 'Adat Perarakan Ka-Pancha-persada dan Balek Ka-Istana	108
11. 'Adat Isti'adat Tauliah dan Menjunjong Duli di-Balai-rong Seri	109
12. Isti'adat Pakaian Masok Ka-Perdalaman di- Masa Tabal	111

SA-PATAH KATA

Di-sapanjang zaman yang lalu membawa-lah hingga ka-hari ini 'adat resam dan 'adat isti'adat Melayu telah mengalami berbagai chorak perubahan. Segala perubahan ini bukan-lah di-terima atau di-'amalkan dengan sa-rentak oleh seluroh musharakat Melayu bahkan ia-lah dengan chara dahulu-kemudian; di-satengah² tempat sa-suatu perubahan itu di-terima dan di-'amalkan dengan chepat oleh musharakat-nya, manakala di-tempat² yang lain pula penerimaan-nya terlalu lambat, dan ada juga tempat² yang sadikit benar menerima perubahan² itu hingga bentok chorak-nya boleh di-katakan hampir merupai sifat yang asli. Maka kerana itu-lah kita dapati atoran 'adat resam orang Melayu berkenaan dengan sa-suatu perkara itu ada berbedza sadikit sa-banyak-nya antara satu tempat dengan tempat yang lain, demikian juga-lah berkenaan dengan peratoran 'adat isti'adat diraja di-antara sa-buah negeri dengan negeri yang lain. Oleh hal yang demikian itu-lah menyebabkan usaha sa-saorang hendak menyusun huraian yang lengkap berkenaan dengan 'adat resam dan 'adat isti'adat Melayu meliputi segala segi-nya menurut atoran kebiasaan keselurohan musharakat Melayu bukan boleh di-katakan suatu perkara yang mudah.

Bagaimana pun patut-lah di-ucapkan tahni'ah kapada Tuan Syed Alwi bin Sheikh Al-Hadi atas usahanya mengumpul dan menyusun buku ini, dan di-harap ramai lagi pengarang² dan cherdek pandai kita akan menjalankan usaha untok membongkar, menyelidek dan mengumpulkan segala bahan² yang mengenai kebudayaan Melayu sa-umpama ini, supaya dengan yang demikian dapat-lah kelak di-kekalkan segala hasil²-nya itu sama ada kekal dengan chara di-perbaiki menurut yang sesuai dengan kegunaan musharakat yang bertamaddun, atau pun di-kekalkan menepati erti-kata di-simpan sa-bagai hak asli kita. Dewan ini ada-lah

sedia menyambut dan menggalakkan usaha2 yang sa-
umpama ini.

SYED NASIR BIN ISMAIL
Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kuala Lumpur,
1hb. March, 1960.

PENGENALAN

Dengan sukachita-nya saya menyambut penerbitan buku ‘‘Adat Isti‘adat Melayu’ yang kechil ini dan kapada pengarang-nya Tuan Syed Alwi bin Sheikhi Al-Hadi saya ucapkan tahni‘ah kerana usaha-nya menyelidek, menyiasat dan merakamkan di-dalam buku ini apa2 yang telah di-dapati oleh-nya dari hal2 ‘adat dan isti‘adat yang terpakai di-sisi orang2 Melayu kita. Buku2 sa-umpama ini sangat-lah di-kehendaki pada tempoh ini bukan-nya oleh orang2 Melayu sahaja bahkan oleh orang2 yang lain daripada bangsa Melayu juga terutama sa-kali mereka yang telah dudok bermastautin di-Semenanjung Tanah Melayu ini dan yang hendak mengetahui peri ‘adat dan isti‘adat orang2 Melayu. Sa-tahu saya ini-lah pertama kali buku sa-umpama ini di-chap dan di-hebahkan kapada ramai. Oleh sebab itu saya perchaya buku ini akan mendapat sambutan yang meriah.

Pekerjaan hendak merakamkan ‘adat dan isti‘adat itu bukan-lah suatu pekerjaan yang mudah. Sa-kali pun ‘adat dan isti‘adat itu pada ‘am-nya boleh di-katakan sama jua pada maksud dan tujuan-nya di-sisi orang2 Melayu barang di-mana jua mereka itu ada akan tetapi pada chara2 memakai, mengator dan menyusun dia ada-lah ia-itu berlainan sadikit dari sa-buah negeri ka-sabuah negeri. Maka pada chara2 yang berlain2an itu tidak-lah boleh di-katakan chara ini-lah yang betul dan yang lain itu salah sebab menurut kata orang tua2 dahulu ‘‘lain lubok lain ikan-nya’’ atau ‘‘lain padang lain belalang’’ yang bererti lain negeri lain ‘adat lembaga-nya.

Sa-perkara lagi yang menjadikan lebeh2 sukar pekerjaan sa-saorang yang hendak menyusun dan merakamkan ‘adat dan isti‘adat itu ia-lah perkara2 itu tidak ada di-dapati yang bertulis yang boleh di-bacha dan di-jadikan panduan. Barang siapa hendak menyusun dan menulis akan dia maka terpaksa-lah dia menyelidek, menyiasat dan bertanya kapada orang tua2 yang hanya sadikit sahaja lagi yang tinggal hidup

yang tahu dan ingat 'adat isti'adat yang lama2 itu. Sebab yang menjadikan begitu ia-lah apa yang di-katakan 'adat dan isti'adat itu ia-itu-lah chara2 dan atoran2 hidup yang di-pesakai dari datok nenek dan yang di-perturunkan dari bapa kepada anak atau daripada yang tua kepada yang muda dengan ka'edah di-tunjok, di-ajar, di-tegor dan di-sapa dan tidak dengan chara yang bertulis.

Manakala ada-lah 'adat dan isti'adat itu chara2 dan atoran2 yang menunjokkan bentok dan rupa sesuatu bangsa daripada segi pembawaan hidup-nya yang membedza dan memperkenalkan dia daripada bangsa2 yang lain maka jadi-lah 'adat dan isti'adat itu perkara2 yang di-pegangi kuat dan sangat2 di-chemburukan dia hingga terjadi-lah bidal atau sebut2an di-antara orang2 yang dahulu "biar mati anak jangan mati 'adat". Sa-kali pun begitu tidak-lah boleh di-katakan 'adat dan isti'adat itu perkara2 yang kejat atau pun beku kerana sa-barang chara dan atoran yang pada asal-nya di-bentok atau di-susun ta' dapat tiada akan mati atau ghaib-lah ia dengan sendiri-nya jika ia tidak boleh menerima perubahan di-sisi masa yang berubah2. Sa-kadarkan perubahan yang di-terima itu ia-itu-lah perubahan yang sa-suai lagi mem-bena dan bukan yang merosak atau meruntuhkan. Pada ghalib-nya perubahan2 yang di-katakan itu bu-kan-lah sa-barang yang di-perbuat dengan mengejut di-dalam masa yang singkat tetapi perubahan yang beransor2 menyerap sedikit demi sedikit dalam masa yang berlanjutan hingga dengan sendiri-nya lama ke-lamaan ia-nya di-aku menjadi 'adat yang terpakai.

Saya sudahi chatitan saya yang ringkas ini dengan mengambil peluang menyatakan ada pun 'adat isti'adat diraja yang di-pakai di-negeri Jehor yang di-sebutkan oleh pengarang buku ini serba sedikit-nya itu ia-lah 'adat isti'adat yang berasal dari negeri Riau dahulu akan tetapi alat semberap yang di-gunakan itu dan yang di-tunjokkan gambar2 sa-bahagian daripadanya di-dalam buku ini ia-lah alat semberap yang di-perbuat di-dalam masa yang hampir sa-ratus tahun yang lepas

dalam masa Al-marhum Sultan Abu Bakar ibnu Al-marhum Temenggong Ibrahim dan di-baharuī pula dari suatu masa ka-suatu masa di-dalam tempoh Al-marhum Sultan Ibrahim ibnu Al-marhum Sultan Abu Bakar yang baharu mangkat pada sa-haribulan Dzu'l-ka'dah tahun Hijrah 1378 bersamaan dengan 5hb. May, tahun 1959 ini.

Pada akhir-nya sa-kali saya suka hendak menyebutkan ada-lah Tuan Syed Alwi bin Sheikh Al-Hadi yang mengarang buku ini ia-lah sa-orang yang berasal dari negeri Riau itu juga dan dia telah menerima pelajaran di-sekolah waktu kechil-nya di-sana dan dia telah berpindah dari situ ka-Semenanjung Tanah Melayu ini pada waktu ia ber'umor tiga belas tahun. Dari masa kechil-nya lagi dia sudah pun menengok dan masch ingat lagi 'adat isti'adat yang di-pakai di-negeri itu yang di-sebutkan-nya di-dalam buku-nya ini.

ISMAIL BIN ABU BAKAR,
Dato' Penghulu Isti'adat, Johor.

Johor Baharu
22hb. Rabi'u 'l-Awal, 1379
bersamaan 25hb. September, 1959.

PENDAHULUAN

Sa-sungguh-nya tiada siapa boleh menafikan bahawa banyak daripada 'adat resam Melayu adalah tiruan daripada 'adat resam ugama Buddha atau Hindu ia-itu ugama yang mula2 mempengaruhi penduduk2 Gugusan Pulau2 Melayu ini. 'Adat resam tiruan ini maseh di-pakai dan di-'amalkan dalam sa-tengah2 mu-sharakat orang Melayu.

Orang2 Melayu ada-lah terkenal dengan budi bahasa-nya yang lemah lembut dan adab sopan-nya yang mulia dan terpuji. Mereka berbudi bahasa bukan hanya kapada sa-sama orang Melayu bahkan kapada orang2 yang bukan Melayu. Orang2 Melayu ada mempunyai bahasa2 halus yang di-gunakan khas untok menunjokkan hormat dan tertib.

Kita berasa dukachita oleh kerana desakan pengaruh2 Barat maka banyak-lah daripada 'adat resam Melayu yang terpuji itu telah rosak, dan kerosakan ini sa-yogia-lah di-perbaiki supaya jangan melarat.

Perkara2 'adat resam dan 'adat isti'adat orang Melayu yang saya tuliskan di-dalam buku ini tiada-lah lengkap, tetapi mudah2an dapat-lah juga di-gunakan sa-bagai panduan 'am. Sa-yogia di-nyatakan juga bahawa perkara2 yang saya tuliskan itu ada-lah daripada pengalaman saya sendiri ia-itu yang saya saksi-kan dengan mata kepala saya semenjak saya budak lagi, dan juga daripada penyelidekan yang telah saya lakukan.

Saya menguchapkan berbanyak2 terima-kaseh kapada semua orang yang telah memberi saya bantuan untok menjayakan kerja ini, di-antara-nya ia-lah: (1) Yang Mulia Raja Muhamad Ariff (Engku Chik) bin Mahmud bin Muhammad (Engku Nung Kelana) bin Abdullah Marhum Murshid, Yang Di-Pertuan Muda Riau, (2) Yang Mulia Raja Chik bin Omar, dan (3) Raja Maimunah bt. Raja Hassan (Engku Mai) yang sekarang ini ber'umur lebeh sa-ratus dua puluh tahun.

Sa-yogia di-nyatakan bahawa " 'Adat Resam Melayu" yang di-jadikan tajok Bahagian Pertama di-dalam buku ini ada-lah 'adat resam Melayu yang di-pakai oleh orang2 Melayu Semenanjung Tanah Melayu 'am-nya, kechuali orang2 Melayu di-Negeri Sembilan dan di-Melaka, yang menggunakan 'Adat Perpatih.

" 'Adat Isti'adat Diraja Melayu" pada Bahagian Kedua ada-lah menerangkan peratoran2 yang di-jalankan dalam masa kerja2 raja beristi'adat. Peratoran2 ini telah di-perbaharui bagi kali yang akhir dalam masa Al-marhum Sultan Sulaiman Badrul 'Alam Shah ibni Al-marhum Sultan Abdul Jalil, Sultan dan Yang Di-Pertuan Besar Riau dari tahun Hijrah 1134. Maka dari semenjak itu-lah 'adat isti'adat itu telah di-terima oleh orang2 Melayu sa-bagai 'adat isti'adat Melayu yang sa-jati.

Saya juga terhutang budi kapada Duli Yang Maha Mulia Sir Ismail ibni Al-marhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor, kerana dengan lempah kemurahan baginda dapat-lah buku ini di-hiasi dengan gambar2 sa-bahagian daripada alat2 isti'adat kerajaan Johor yang tersimpan di-Istana Besar Johor Baharu itu.

Saya juga menguchapkan sa-tinggi2 terima-kaseh kapada Y.B. Dato' Ismail bin Abu Bakar, Dato' Penghulu Isti'adat Negeri Johor, Dato' Syed Abdul Kadir bin Muhammad, bekas Menteri Besar Johor, Capt. Wan Rahim, Setia-usaha Sulit kapada Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Col. Musa bin Yusoff sa-orang pakar 'adat isti'adat Melayu, negeri Johor, kerana pertolongan, nasihat, tegoran dan galakan mereka kapada saya dalam menyusun buku ini.

SYED ALWI BIN SHEIKH AL-HADI

Pulau Pinang,

12 Rabi'u 1-Awal, 1379.


14hb. September, 1959.



SUATU UPACHARA BERKHITAM QUR'AN YANG PERMAI

Jika dua orang atau lebih kanok² yang berkhitam itu maka lazimnya buchan surah² itu di-jalankan dengan bergilir², ya'ani lepas sa orang membacha suatu surah maka sa orang lagi pula membacha surah yang lain. Di-antara barang² yang terkandung di-dalam alat² yang kelihatan di-balogian hadapan itu ia lah untok di-hadiahkan kepada guru yang mengajar—Lihat m.s. B.

(Gambar Omar Bari)



Alat2 mengandongi barang2 yang di-gunakan dalam upacara menghantar tanda yang di sebut juga menghantar belanja ia-itu jika bersa-kali dengan "naik belanja" -Lihat m.s. 26-27
(Gambar Umar Basri)



Raja Maimunah binti Raja Hassan Ibtai Al-marhum Raja Abdullah (Tengku Panglima Besar, menantu kepada Al-marhum Sultan Muhammad yang memerintah Negeri Selangor, daripada 1826 hingga 1856).

Raja Maimunah ini lebih terkenal dengan nama Tengku Mai dan di-perchayai ia-lah sa-orang keturunan Raja Melayu yang tertua sa-kali di-dalam Negeri Selangor pada masa ini dan sekarang tinggal di-Kampung Raja Uda, Port Swettenham, Klang.

Tengku Mai telah di-zahirkan di-Kuala Linggi Melaka dan sa-telah dewasa selalu berulang glek ka-Klang dan ka-Riau. Ia tidak dapat menentukan tarikh zahir-nya tetapi di-perchayai pada masa ini ber'umur lebih kurang 120 tahun dan telah besar di-dalam Istana Sultan Riau dan di-Istana Sultan Selangor di-Klang, Selangor; dan amat faham di-dalam hal ahwal isti'adat Raja2 Melayu Negeri Riau dan Negeri Selangor.

Tengku Mai telah berkahwin dengan Raja 'Ali bin Raja Muhammad dan sa-telah Raja 'Ali mangkat maka ia berkahwin pula dengan Tengku Kudin. Dan hingga pada masa ini mempunyai 72 orang chichit dan 3 orang piut. Tuboh badannya jika di-tilek pada usia-nya yang lebih 100 tahun itu, bolehlah di-katakan masih sihat dan boleh berjalan2 di-dalam rumah dengan berpimpin; sungguh pun pentandangan-nya agak kabor, tetapi ingatan-nya masih baik lagi dan sangat lancar dan terang perchakapan-nya.

BAHAGIAN
PERTAMA



Upacara 'akad nikah di-lakukan oleh wali bagi pengantin perempuan, lazim juga upacara 'akad nikah di-lakukan oleh an-sorang kadi atau imam2 yang bertauliah—Lihat m.s. 28-29.
(di-terakan dengan keidzinan)



Kedua tepak sirih yang di-sebut juga "semarak" itu telah di-temakan, ini berarti juga sebagai isyarat mempersilakan mempelai naik untuk berstanding—Lihat m.s. 38-39.

(Gambar Omar Barri)

I

1. 'ADAT RESAM MELAYU BERUMAH-TANGGA

(a) Sa-bagaimana keadaan pada sisi lain² bangsa yang beragama Islam maka bagitu-lah juga pada sisi umat Melayu, sa-kadarkan 'adat resam berumah-tangga bangsa kita Melayu dahulu ada-lah lebeh lembut dan santun lagi keadaan-nya. Ibu bapa di-dalam sa-sabuah rumah itu kedua-nya ada-lah pementah di-dalam rumah-tangga itu saperti raja dengan permaisuri-nya yang mesti di-ta'ati dan di-hormati oleh sakalian yang di-dalam rumah-tangga itu, sama juga bagaimana yang di-kehendaki kapada hamba ra'ayat sa-buah negeri itu supaya ta'at dan hormatkan raja mereka.

Anak baik², laki² atau perempuan ada-lah di-'adatkan bukan sahaja mesti ta'at setia kapada kedua ibu bapa mereka, bahkan ada-lah di-kehendaki supaya mereka sentiasa menunjukkan dengan 'amalan yang nyata akan kehormatan mereka kapada ibu bapa mereka umpama-nya, apabila mereka di-panggil atau berada di-hadapan mereka. Mithal-nya: apakala sa-saorang anak laki² itu di-panggil oleh ibu atau bapanya maka hendak-lah sa-belum ia datang mendapatkan ayah atau ibu-nya itu ia memakai songkok-nya, dan kalau dia tengah mengisap rokok hendak-lah di-tinggalkan atau di-padamkan-nya rokok-nya dan di-tinggalkan, sa-sudah itu baharu-lah dia datang mengadap

ayah atau ibu-nya itu—walau pun dia sudah besar panjang atau sudah beranak-bini sa-kali pun—dan dikehendaki oleh 'adat resam Melayu yang asli supaya ia mengadap ibu bapa-nya itu dengan menunjukkan sa-penoh kehormatan sa-orang anak kapada ibu bapa-nya.

Kalau sa-orang anak mengadap ibu bapa-nya itu sambil dudok di-atas kerusi, umpama-nya, hendak-lah ia dudok sa-chara hormat, tidak dengan terkangkang atau bersengkeling kaki di-atas kaki; atau kalau mengadap sambil dudok di-tikar atau di-lantai hendak-lah dengan bersila. Bagitu juga, bahkan lebeh² lagi dikehendaki di-sisi pehak anak² perempuan supaya menunjukkan—hormat dengan tingkah laku yang lebeh tertib dan lemah lembut sa-suai dengan jenis-nya. Jika sa-saorang anak perempuan itu mengadap ayah atau ibu-nya sambil dudok di-kerusi maka hendak-lah keadaan dudok-nya itu chukup tertib dan rapat kedua paha dan kaki-nya, tidak dengan terkangkang atau kaki di-atas kaki keadaan-nya, dan kalau dudok di-atas tikar atau lantai hendak-lah dudok bertimpoh, tidak bersila atau berdiri lutut. Demikian itu-lah sa-terus-nya dikehendaki tertib hormat itu di-tunjokkan di-dalam pergaulan rumah-tangga di-antara yang muda dengan yang lebeh tua daripada ahli²-nya. 'Adat resam hormat-menghormati di-dalam rumah-tangga ini ada-lah berasal dari zaman-berzaman dan perkara ini dikehendaki oleh sa-'umum bangsa² di-muka bumi ini supaya di-'amalkan, dan bagi bangsa Melayu kalau pun tidak terlalu kuat berpegang dengan-nya dahulu, tidak-lah sa-kali² kurang berkehendakkan 'amalan yang berguna itu di-jalankan.

(b) Ada-lah di-'adatkan ia-itu apabila sa-sabuah rumah-tangga itu dapat tahu akan ada-nya berlaku di-dalam antara rumah2-tangga jiran2-nya salah suatu daripada hal2 yang tersebut di-bawah ini:

(1) ada orang baharu datang berpindah ka-rumah itu,

(2) ada orang sakit atau kemalangan di-dalam-nya, dan

(3) ada berlaku kematian di-dalam-nya, maka hendak-lah sa-kurang2-nya ibu bapa atau ketua rumah itu segera pergi menziarahi jiran-nya itu dan kalau kesusahan itu patut di-bantu, istimewa ada bagi-nya kemampuan atau upaya membantu atas kadar yang dapat di-dalam kesusahan jiran-nya itu maka sa-yogia-lah di-bantu-nya dengan apa jalan pun.

(c) Ada-lah di-kehendaki oleh 'adat resam Melayu supaya di-antara jiran sa-sama jiran yang berhampiran sentiasa berada di-dalam keadaan berbaik2 dan saling-mengerti di-antara satu dengan lain dan bersungguh2 menegah diri daripada berbuat apa2 yang boleh menyebabkan atau membangkitkan persenggitan atau pergadohan, seperti tutor-kata atau perbuatan yang tidak elok, umpama; umpat-mengumpat, atau sa-barang pencherobohan atau perbuatan yang kurang adab.

(d) Ada-lah di-kehendaki oleh 'adat resam Melayu bagi sa-saorang pelawat atau sa-siapa pun tatkala datang hendak menziarahi ka-rumah sa-saorang Melayu supaya keadaan-nya berpakaian dengan sa-lengkap-nya, termasuk bersongkok di-kepala-nya jika ia orang Melayu, dan jika ia berkasut, selipar atau bersepatu maka hendak-lah ia membuka dan menanggalkan sepatu, selipar atau kasut-nya itu di-tangga

atau di-pintu masok ka-dalam rumah itu sa-belum dia masok.

(e) Ada-lah juga di-'adatkan oleh 'adat resam Melayu ia-itu bila sahaja sa-saorang dhaif, biar sa-siapa pun, datang melawat atau menziarahi ka-rumah orang Melayu pada bila2 waktu sa-kali pun, kechuali sudah lanjut malam, maka ada-lah ter'adat pada 'adat resam Melayu pelawat itu di-beri sa-kurang2-nya sa-changkir atau chawan kopi atau teh atau minuman sejok atau sireh sa-kapor sa-bagai tanda kera'ian ka-pada atau menghormati tetamu atau dhaif.

2. 'ADAT RESAM BERSEKAMPONG

(a) Ada-lah di-'adatkan oleh 'adat resam Melayu dari zaman dahulu supaya tiap2 sa-orang penduduk di-dalam sa-sabuah kampung atau mukim yang sudah dewasa, yang laki2 daripada mereka terutamanya, berhubung rapat dengan ketua kampung atau penghulu mukim-nya supaya hal keadaan-nya di-ketahui dan ada di-dalam perhatian ketua-nya.

(b) Sa-lain daripada sudah sa-memang-nya di-tuntut oleh ugama Islam maka ada-lah juga di-'adatkan oleh 'adat resam Melayu bahawa tiap2 sa-orang penduduk Melayu atau Islam di-dalam kampung atau mukim itu datang ka-masjid kampung atau mukim-nya pada tiap2 hari Juma'at kerana bersembahyang fardhu **Juma'at**.

(c) Ada-lah di-'adatkan oleh 'adat resam Melayu bahawa tiap2 sa-orang penduduk, dengan sa-berapa yang boleh, hendak-lah menjalankan usaha bagi faedah musharakat kampung atau mukim itu 'am-nya dengan ka'edah atau chara bergotong-royong.

(d) Ada-lah juga di-'adatkan oleh 'adat resam Melayu supaya penduduk2 sa-buah kampung atau mukim menggalakkan diri masing2, sa-kurang2-nya datang menziarah, datang menolong dan membantu atas kadar yang boleh dan mampu bagi-nya jika berlaku sa-suatu kemalangan, umpama-nya sakit pening atau kematian kepada sa-saorang atau sa-sabuah rumah-tangga di-dalam kampung atau mukim-nya.

(e) Bila2 datang berpindah ka-sasabuah kampung atau mukim orang Melayu atau Islam yang terkenal maka ada-lah di-'adatkan oleh 'adat resam Melayu supaya orang yang baharu datang berpindah itu memberi tahu akan hal perpindahan-nya kepada ketua kampung atau penghulu mukim itu dan kepada siak atau penguasa masjid kampung atau mukim itu, dan begitu pula di-'adatkan supaya ketua kampung, penghulu mukim dan lain2 penduduk yang terkenal di-dalam kampung atau mukim itu datang menziarahi ka-rumah yang baharu pindah itu.

II

'ADAT RESAM KEBIASAAN

Di-dalam bab ini ada-lah di-nyatakan dengan sa-chara ringkas sahaja pekerjaan², yang dahulu-nya telah di-jadikan 'adat resam Melayu dan di-'amalkan, akan tetapi pada zaman sekarang tidak banyak lagi orang² Melayu kita, hatta orang kampung sa-kali pun, yang menjalankan-nya. Yang demikian tidak sa-yogia di-dukakan, kerana pada pendapat saya dengan meninggalkan dia tidak-lah mengurang atau menchatkan kebudayaan Melayu, sa-balek-nya ada lebeh berfaedah pula jika di-tinjau pada segi lapangan jimat chermat atau iktisad kehidupan umat Melayu. Ia-itu 'adat resam atas kerja² dan kenduri kendara berke-naan dengan:—

1. Bertindek telinga.
2. Bersunat.
3. Bersalin atau Beranak.

1. Bertindek

Ada pun 'adat resam kerana menjalankan kerja² dan kenduri kendara kerana menindek telinga anak² perempuan, yang ber'umor dari 5 sampai 10 tahun pada masa dahulu ada-lah di-jalankan dengan chara mengadakan kenduri kendara besar² juga, jika di-hitong atas taksiran keadaan wang ringgit zaman itu, pada hal kerja-nya sangat-lah sedikit, ia-itu dengan tukang tindek itu chuma menebok kedua chuping telinga anak perempuan itu dengan sa-jenis duri. Akan

tetapi, zaman sekarang ini, Al-hamdu lillah, kerja yang demikian itu tidak banyak lagi di-lakukan, walau pun oleh orang2 Melayu kampung, dengan memper-'adatkan kenduri kendara kerana-nya, melainkan masing2 membuat sendiri sahaja dengan apa sahaja jalan yang mudah, asakan chuping telinga anak masing2 dapat di-tebok dengan selamat. Tambahan pula di-bandar2 dan pekan2 besar sekarang ini berbagai jenis subang dan anting2 chara moden yang chantek2 boleh dapat di-beli dengan murah dan boleh di-pakai di-chuping telinga yang ta' berlubang dengan pakai ketap sahaja maka tiada-lah perkara menindek telinga itu jadi satu perkara perlu lagi. Masa ini sudah pun banyak pemudi2 Melayu kita di-bandar2 dan di-pekan2 yang tidak berlubang lagi chuping telinga mereka.

2. Bersunat

Ada pun 'adat resam bersunat ini, sungguh pun pada masa sekarang sudah banyak kurang di-jalankan dan orang2 yang menjalankan-nya pun tidak-lah dengan chara kenduri kendara besar2 seperti di-zaman dahulu, akan tetapi masih ada juga lagi yang mengerjakan-nya dengan berkenduri kendara yang boleh di-katakan besar jua.

Bila telah masuk 'umor anak si-ibu bapa Melayu itu lebeh kurang sa-puluh atau dua belas tahun maka di-tetapkan-lah oleh ibu bapa-nya itu akan hari hendak mengadakan kenduri kendara menyunat anak-nya itu, lalu di-beri tahu atau di-jemput dengan mulut atau dengan surat beberapa bilangan daripada anak-pinak, adek-kakak dan sahabat-handai dan jiran2 sa-kampung mereka, dan jika yang membuat kerja lebeh besar maka di-panggil-lah ahli2 jemputan yang lebeh ramai lagi.

Bila sampai hari-nya maka pada sa-belah petang atau malam-nya mulaj-lah anak laki2 yang hendak di-sunat itu di-mandikan, di-andam dan di-pakaikan dengan pakaian yang indah2, seperti pakaian pengantin dan di-letakkan dia dudok di-atas kerusi—ada juga yang membuat pelamin khas bagi di-dudokkan budak itu. Dan lagi ada juga yang suka mengarak budak itu sa-belum dia di-dudokkan di-atas pelamin ia-itu seperti mengarak pengantin juga. Ada pula sa-tengah pada sa-tengah-nya, jika budak yang hendak di-sunat itu telah khatam membaca Qur'an maka di-sertakan pula 'adat menyunat itu dengan 'adat berkhatam Qur'an, ia-itu budak itu di-dudokkan di-atas sa-bidang tikar sila di-hadapan pelamin itu berhadapan dengan dhaif2 yang hadir dan membaca surah2 penghabisan di-dalam Qur'an itu dengan suara yang kuat dan berlagu, jika dia telah di-lateh mengaji dengan berlagu. Sa-telah selesai ia mengaji dan di-dudokkan di-atas pelamin maka bunga telur yang telah di-perbuat khas kerana-nya itu pun di-bahagikan kepada dhaif2 yang hadir sa-orang satu atau sa-tangkai. Kepada guru yang mengajar budak itu, lazim-nya pada sisi ibu, bapa yang berada, di-hadiahkan sa-lengkap satu persalin pakaian, dan pada akhir majlis itu budak itu di-suruh menchiium tangan guru-nya dan bersalam2an dengan dhaif2 yang hadir dan kemudian-nya jamuan pun di-edarkan kepada sakalian yang hadir laki2 dan perempuan, sa-sudah itu maka majlis petang atau malam itu pun tamat-lah.

Pada pagi2 keesokan hari-nya, sa-belum to' mudim (gelaran tukang sunat) tiba, ada-lah di-sedia dan di-siapkan benda2 seperti yang tersebut di-bawah ini bagi penggunaan to' mudim ia-itu:—

- a. kain putih, panjang lima hasta,
- b. sa-ekor bapak ayam,
- c. sa-biji buyong ayer,
- d. sa-batang batang pisang,
- e. sireh pinang sa-lengkap-nya di-dalam piring atau tepak, dan
- f. duit, sa-banyak \$3/- atau lebeh, menurut suka ibu bapa budak itu hendak bersedekah kepada to' mudim itu.

Akan budak yang hendak gi-sunat itu, dari pagi2 hari itu di-suroh mandi dengan sa-puas2-nya dan pada penyudah-nya dengan ayer yang di-dalam buyong yang sudah di-jampi oleh to' mudim itu dengan keadaan budak itu berdiri di-atas tangga ketika ayer itu di-siramkan ka-atas-nya.

Kemudian maka budak itu pun di-dudokkan berchepak di-atas batang pisang, dan to' mudim itu pun dengan pantas menyunatkan dia, dan sa-habis sahaja di-chantas-nya maka dengan chepat to' mudim itu mengambil bapak ayam itu dan di-achu2kan-nya kepala bapak ayam itu kepada kemaluan budak itu dan jika nampak kembang tengkok ayam itu tatkala di-achu2kan maka yang demikian itu konon, menandakan budak itu garang dan akan berbini banyak.

Ada pun kain putih, ayam, tepak dengan isi-nya, buyong dan duit sedekah itu semua-nya terpulang kepada to' mudim itu dan mudim itu akan datang mengulang melihat hal keadaan budak yang di-sunat-nya itu sa-lama tiga hari berturut2, sa-telah itu maka selesai-lah kerja-nya.

Shahadan ada lagi sa-perkara 'adat resam orang2 Melayu kampong dahulu, yang patut rasa-nya kita sebutkan di-sini, sunggoh pun pada zaman sekarang

'adat ini tiada di-'amalkan, kerana budak2 jekarang ini, hatta yang di-kampong2 itu sa-kali pun, tiada yang mahu menurut-nya; 'adat yang di-maksudkan ini ia-lah 'adat yang mengkehendaki budak2 kechil sa-belum mereka bersunat mesti menyimpan jambul atau bocheng sama ada di-tengkok atau di-tengah2 kepala mereka. Ada pula sa-tengah pada sa-tengah-nya menaruh dua tompok jambul atau bocheng dan di-biarkan jambul atau bocheng itu panjang sa-hingga sampai pada hari hendak bersunat itu baharu-lah kepala budak itu di-chukor dengan jambul atau bocheng-nya sa-kali.

Peringatan:

- (i) *Sungguh pun orang2 Melayu telah melakukan pekerjaan menyunat itu bukan sahaja kepada anak2 yang laki2 tetapi juga kepada anak2 perempuan maka ada-lah di-sini kita suka hendak menyatakan fikiran kita sendiri bahawa dengan sa-sungguh-nya ti-lak sa-kali2 kita menyertai keyakinan yang mengatakan bahawa bersunat itu ada-lah juga sunnah pada Islam supaya di-lakukan juga kepada anak2 perempuan. Tidak! Kita perihaya bahawa bersunat itu hanya sunnah di-lakukan kepada anak2 laki2 sahaja kerana yang demikian ada beberapa sebab yang besar hikmat-nya pada sisi kehidupan manusia, tetapi ti-lak sunnah di-lakukan kepada anak2 perempuan. Bahkan sa-balek-nya zalim jika di-lakukan ka-atas anak2 perempuan!!*
- (ii) *Al-hamdu lillah—hari ini perkara bersunat ini sudah tidak lagi di-besarkan oleh*

kebanyakan orang2 Melayu, baik yang di-bandar dan pekan atau yang di-kampung, jadi tersingkir-lah satu daripada kerja2 membuang wang dan membuang masa perchuma dan sia2 atas nama 'adat resam atau tuntutan agama konon. Nampak-nya hari ini sudah banyak yang suka menyunat anak2 laki2 mereka dengan cara bakara yang lebih mudah, murah, ringkas dan chepat semboh dan jauh lebih selamat, ia-itu bersunat di-hospital oleh doktor atau jururawat2 yang mahir.

3. Beranak atau Bersalin

Ada pun 'adat resam atau peratoran dalam perkara beranak atau bersalin yang di-jalankan oleh orang2 Melayu di-dalam masa tiga empat puluh tahun atau lebih yang lalu, dan masch ada lagi sadikit2 di-jalankan hari ini di-sudut negeri yang masch lagi berpegang kuat dengan 'adat lama itu, ada-lah amat rumit, cherewet lagi boros keadaan-nya. Di-sini kita nyatakan chara2-nya dengan ringkas sahaja. Bagi 'adat resam yang di-jalankan dahulu itu ada tujuh peringkat, ia-itu:—

- (i) Lenggang atau Kirim Perut.
- (ii) Hari Beranak atau Bersalin.
- (iii) Menehukor Kepala dan Memberi Nama Anak.
- (iv) Ibu Berpantang.
- (v) Ibu Mandi Bersintok Limau.
- (i) LENGGANG ATAU KIRIM PERUT.

Ada pun panggilan "Lenggang Perut" itu ia-lah mengikut seperti yang di-faham atau sebutan biasa kebanyakan orang2 Melayu selatan Semenanjung kita ini, manakala "Kirim Perut" di-fahami oleh kebanyak-

an orang2 Melayu sa-belah utara, ia-lah suatu 'adat yang di-jalankan ka-atas sa-saorang isteri yang telah genap tujuh bulan hamil atau mengandong-nya, maka pada masa itu-lah di-panggil bidan kerana memereksa dan menentukan isteri yang hamil itu betul tidak-nya genap tujuh bulan hamil-nya, dan bila di-dapati betul maka mulai-lah to' bidan itu di-tempah.

Ada pun kelengkapan yang mustahak di'siapkan kerana menempah bidan itu, biasa-nya, ada-lah sa-perti berikut:—

7 helai kain—kalau dapat 7 warna, yang berlainan satu dengan lain.

1 gantang beras.

1 biji nyior atau kelapa.

Beberapa urat benang mentah.

1 batang damar.

Sadikit minyak kelapa atau minyak urat.

Sadikit lilin.

1 tempat sireh atau tepak, yang chukup lengkap isi-nya.

Pengkeras wang sa-banyak lima suku (\$1.25) di-dalam tepak itu.

Sa-telah sedia segala barang2 itu dan to' bidan pun telah datang maka mulai-lah ia menjalankan kerjanya, mengikut 'adat resam orang melenggang perut, ia-itu:—

Mula2 to' bidan membentangkan ketujuh2 helai kain2 yang tujuh warna itu melintang sa-helai di-atas sa-helai, dan di-atas lapisan kain2 ini-lah di-baringkannya isteri yang hamil itu, kemudian dengan minyak kelapa atau minyak urat itu di-urut-nya perlahan2 akan perut isteri itu kadar sa-bentar sahaja. Kemudian daripada itu maka di-ambil-nya pula nyior

yang sudah di-kupas itu lalu di-guling2kan-nya perlahan2 di-atas perut isteri itu dari atas ka-bawah tujuh kali dan pada kali yang ketujuh itu di-gulingkan-nya kelapa itu dan di-lepas serta di-biarkan-nya kelapa itu bergolek daripada perut isteri itu jatuh walau kama-na2 pun sambil di-perhatikan oleh to' bidan itu bagaimana kedudukan muka atau mata kelapa itu setelah berhenti ia daripada golek-nya, menghala ka-atas atau ka-bawah—kalau ka-atas hala-nya mata kelapa itu maka konon-nya, si-isteri itu akan beroleh anak laki2, dan kalau ka-bawah menghala mata kelapa itu, anak perempuan, konon 'alamat-nya. Demikian-lah kepercayaan orang tua2 dahulu.

Sa-telah itu maka to' bidan itu pun memegang dengan sa-belah tangan-nya satu hujung kain lapisan atas sa-kali dan dengan tangan-nya yang sa-belah lagi di-pegang-nya hujung yang lagi satu daripada kain itu juga, kemudian di-angkat-nya lagi sedikit sambil di-lenggang2kan-nya badan isteri itu sa-ketika (dari sini-lah terbit-nya panggilan "Lenggang Perut" itu), kemudian di-tarek-nya kain itu keluar daripada bawah badan isteri itu. Demikian-lah di-lakukan-nya sa-helai demi sa-helai kain2 sa-hingga habis ketujuh2 helai itu di-keluarkan-nya daripada bawah pinggang isteri itu dan kain yang di-bawah sa-kali itu di-berikan kepada to' bidan itu bersama2 dengan kelapa, beras, damar, sireh pinang berzerta dengan wang pengkeras lima suku di-dalam tempat sireh itu.

Pada hari melenggang perut itu biasa-nya diadakan kenduri sedikit di-antara orang tua2 dan anak-pinak serta kaum keluarga yang damping, yang di-jemput khas kerana-nya. Pada masa kenduri itu bia-

sa-nya si-isteri yang berleenggang perut itu di-pakaikan dengan pakaian yang baharu dan indah2 jua ada-nya.

(ii) HARI BERSALIN ATAU BERANAK.

Sa-telah genap bilangan bulan dan hari-nya, sem-bilan bulan sembilan hari pada perkiraan orang tua2 dahulu, dan sa'at-nya pun sudah hampir maka ada-lah di-sediakan kelengkapan saperti beras, kelapa dan damar, saperti yang di-adakan pada masa me-lenggang perut dahulu juga. Beras, damar dan ke-lapa itu sa-telah selesai bersalin ada-lah semua-nya di-berikan kapada to' bidan dengan wang sa-banyak \$5.00 jika anak sulong, \$3.25 jika anak yang kedua, manakala anak yang ketiga bayaran-nya balek saperti bayaran atas anak sulong juga ia-itu \$5.00, dan ke-mudian daripada anak yang ketiga maka anak yang lain2 sa-terus-nya sa-rupa dengan bayaran atas anak yang kedua itu juga, ia-itu \$3.25.

Menurut keperchayaan orang tua2 dahulu kala, ada sa-jenis hantu atau shaitan, konon, yang suka datang pada masa perempuan bersalin kerana hendak memakan darah perempuan itu, oleh sebab kepercha-yaan yang demikian itu-lah maka telah jadi ter'adat masa itu di-gantungkan di-bawah rumah, betul2 pada sa-belah bawah tempat ibu yang baharu bersalin itu tidor, sa-chekak daun mengkuang yang berduri konon-nya untok jadi penghalang atau menegah hantu itu daripada datang menghampiri tempat itu, dan bagitu juga telah jadi ter'adat di-muka pintu bilek atau rumah tempat orang beranak itu di-chalit pangkah dengan kapor yang di-sertai dengan jampi serapah-nya, dan demikian juga telah jadi 'adat pada tengah2 dahi anak kechil itu di-pangkah dengan minyak yang telah di-champor dengan serbok arang kayu dan di-

jampi, di-lakukan yang demikian dengan harapan hendak menjauhkan anak itu daripada di-rasok oleh hantu shaitan, konon.

Sungguh pun 'adat seperti yang tersebut di-atas itu tidak banyak lagi di-'amalkan oleh orang2 bandar atau pekan yang besar2 akan tetapi di-kampong2 masih banyak juga lagi yang meng'amalkan-nya.

(iii) HARI CHUKOR KEPALA DAN MEMBERI NAMA ANAK.

Sa-lepas tujuh hari daripada hari bersalin itu lazim-nya di-adakan kenduri nasi kunyit, kerana itu-lah hari-nya 'adat menchukor kepala anak kechil itu di-jalankan dan bagi-nya di-beri nama.

Ada pun kelengkapan yang di-sediakan kerana menjalankan 'adat berchukor itu ia-lah:—

- (a) anak kechil itu di-pakaikan dengan pakaian yang indah2 dan di-letakkan dia di-atas tilam kechil yang di-taruh di-atas talam atau pahar.
- (b) satu cheper berisi tiga biji mangkok atau piring yang berisi ayer tepung tawar, beras kunyit dan berteh.
- (c) sa-biji kelapa mumbang yang besar sedikit, di-potong buka pada arah kepala-nya dengan potongan berkelok2 siku-keluang dan di-jadikan tutup-nya daripada potongan itu, ayer kelapa itu di-buang dan di-isi di-dalam-nya sedikit ayer sejok, dan kelapa itu di-letakkan di-dalam sa-biji batil sa-muat2 kelapa itu sahaja; biasa-nya kelapa itu di-hiasi pula dengan di-lilitkan rantai emas atau perak dan di-chuchok dengan tajok2 rekaan yang indah2 rupa-nya.

- (d) bila sudah siap semua-nya maka anak kecil itu pun di-bawa keluar dan di-kelilingkan kepada dhaif2 laki2 yang di-luar tiap2 sa-orang daripada mereka sa-telah menepok sedikit tepong tawar, menebar sedikit beras kunyit dan berteh kepada anak itu maka ia pun menggunting sedikit sahaja dari rambut anak itu dengan gunting yang memang ada disediakan dan rambut yang di-gunting itu dimasukkan ka-dalam ayer di-dalam kelapa itu. Di-masa ini-lah anak itu di-beri nama. Atorannya bilangan orang yang melakukan guntingan rambut itu hendaklah sa-bilangan yang ganjil, ia-itu tiga, lima atau tujuh atau sa-umpama-nya. Sa-telah selesai di-jalankan oleh pehak laki2 maka anak itu di-bawa pula masok ka-dalam rumah itu, dan sa-perti yang demikian itu-lah juga di-lakukan pula oleh pehak perempuan.
- (e) Sa-telah selesai kedua pehak laki2 dan perempuan itu menjalankan 'adat berehukor itu maka baharu-lah kepala anak itu di-chukor seluroh-nya oleh to' bidan atau sa-siapa yang mahir dengan kerja itu. Rambut anak itu semua-nya di-masokkan ka-dalam kelapa itu dan, sa-telah di-buka dan di-chabut segala rantai dan tajok2 yang menghiasi kelapa itu maka kelapa itu lazim-nya di-tanam di-mana2 di-dalam halaman rumah itu bersama2 sapohon anak kelapa atau lain2 yang sa-umpama-nya, sa-bagai peringatan atas masa anak itu di-peranakan di-masa ka-hadapan.

Demikian-lah chara-nya 'adat resam Melayu bagi menchukor dan menamakan anak kechil di-zaman dahulu, akan tetapi seperti yang telah terdahulu disebutkan bahawa orang Melayu di-bandar dan yang sudah moden sekarang ini tidak banyak lagi yang menjalankan 'adat ini, hanya orang2 Melayu kampung sahaja maseh banyak lagi yang menjalankan-nya dan yang gemar kapada-nya. Bagitu pun banyak orang2 kita yang memang tidak gemar menchukor kepala anak yang maseh bagitu lembut lagi keadaan-nya, dan berkenaan dengan menamakan anak itu pula sekarang ini undang2 kerajaan telah memaksa ia-itu tiap2 sa-orang anak yang baharu di-zahirkan mesti di-beri nama-nya di-dalam tempoh 21 jam kerana di-dalam tempoh itu anak itu di-kehendaki di-daftarkan di-pejabat beranak. Maka oleh hal yang demikian haruslah 'adat ini akan di-tinggalkan atau di-ubah atau diperbaiki. Akan tetapi pada tentang kenduri genap tujuh hari 'umor anak itu harus boleh jadi berkekalan di-jalankan oleh banyak bilangan daripada orang2 kita yang di-kampong2.

(iv) BERPANTANG EMPAT PULOH EMPAT HARI.

Sa-lama empat puloh empat hari, di-kira dari hari mula bersalin, ada-lah di-'adatkan ibu itu berpantang di-sapanjang tempoh itu, erti-nya ibu itu di-tegah daripada makan sa-barang kehendak-nya atau berbuat apa2 jua pun daripada kerja2 rumah-tangga atau sa-barang apa kerja pun, hingga bangun berjalan meninggalkan tempat tidor-nya pun di-tegah ia melakukan-nya, melainkan sa-sudah lepas sa-kurang2-nya tujuh hari daripada hari bersalin-nya itu. Lepas tujuh hari baharu-lah boleh di-benarkan dia berjalan2 sa-

dikit2 dan sabentar2 di-dalam rumah-nya itu sahaja. Pantang ini dahulu ada-lah sa-perkara yang *nesti*—sa-kali pun ibu itu merasa dia sudah boleh membuat kerja lebeh daripada yang di-benarkan itu dan sama sa-kali tertegah atau di-pantangkan dia berjalan atau berkereta keluar dari rumah-nya melainkan sa-telah genap ia berpantang sa-lama empat puluh empat hari daripada hari bersalin-nya.

Ada pun ubat yang di-pakai dan di-makan masa dahulu oleh ibu itu hanya-lah ubat to' bidan-nya itu sahaja. Sa-lain daripada ubat yang di-makan dan di-pakai-nya itu ibu itu ada-lah juga di-tungku (tuam) perut-nya sa-hari sa-kali tiap2 hari sa-lama pantang-nya itu, atau ada sa-tengah-nya berdiang sa-bagai ganti bertungku itu. Akan tetapi zaman sekarang ini kebanyakkan daripada orang2 Melayu bahagian pekan tidak lagi berpegang dengan 'adat berubat dengan to' bidan dan berpantang empat puluh empat hari itu, kerana sudah banyak orang mahu dan suka memakai ubat2 doktor atau lain2 tukang ubat. Dalam pada itu pun masih banyak juga lagi yang berpegang kuat dengan 'adat lama itu, terutama-nya orang2 kita yang di-kampung2.

Orang2 Melayu yang di-bandar2 dan pekan2 yang besar, terutama-nya mereka yang terpelajar dan menerima tamaddun Barat, ada-lah sekarang ini lebeh gemar pergi bersalin ka-Rumah Sakit (hospital) Beranak dan tidak hendak berpegang dengan 'adat berpantang empat puluh empat hari itu lagi.

(v) MANDI SA-LEPAS PANTANG.

Kemudian daripada tamat tempoh berpantang, ia-itu lepas tempoh empat puluh empat hari itu maka

pada hari yang keempat puluh lima itu ada-lah ter-'adat di-adakan kenduri atau kenduri kechil di-antara sa-sama mereka anak-beranak dan adek-beradek sahaja, manakala ibu itu di-mandikan dengan ayer sintok limau serta di-langirkan sa-bagai isharat melepaskan pantang. Dari hari itu maka bebas-lah ibu itu menjalankan kerja2 rumah-tangga-nya atau sa-barang apa pekerjaan pun dan bebas-lah ia berjalan ka-mana2 jua yang di-sukai-nya dengan tidak tertakut2 'begjan', erti-nya jadi sakit kerana melanggar pantang.

Demikian-lah 'adat resam berkaitan dengan ber-anak atau bersalin yang masih banyak bilangannya lagi yang berpegang dan ber'amal dengan-nya, terutama-nya di-antara orang2 Melayu di-kampung2 di-seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini.

III

'ADAT RESAM NIKAH KAHWIN

Di-dalam antara segala 'adat² resam Melayu tiada shak lagi 'adat resam atau atoran nikah kahwin ini-lah yang amat di-ambil berat oleh orang dan mereka menjalankan-nya dengan chara besar²an. 'Adat peratoran nikah kahwin ini-lah juga yang habis rumit peratoran-nya dan berkehendak kapada modal besar atau wang banyak bagi menyempurnakan-nya dengan jaya.

Dengan tujuan hendak memudahkan keterangan atas-nya maka kita bahagikan dia saperti berikut di-bawah ini:—

Fasal Pertama mengandongi 'adat resam:

- | | |
|-------------------------------------|--------------------------------------|
| a. Menilek atau Menengok, | } Ada dengan kenduri
kendara-nya. |
| b. Meminang/Bertunang. | |
| c. Menghantar Belanja dan
'Akad. | |

Fasal Kedua mengandongi 'adat resam:

- | | |
|----------------------------------|---|
| a. Berandam dan Berasah
Gigi. | } Juga ada dengan
kenduri kendara-
nya. |
| b. Berinai. | |

Fasal Ketiga mengandongi:

- | | |
|---------------------------------------|----------------------------------|
| a. Bersanding. | } Dengan kenduri
kendara-nya. |
| b. Berlimau atau Mandi ² . | |
| c. Sambut-menyambut,
(bertandang). | |

Keterangan2-nya sa-chara ringkas ada-lah saperti berikut:

FASAL PERTAMA:—(a) MENILEK ATAU MENENGOK.

Menilek atau Menengok ini pada hakikat-nya yang sa-benar memang amat bagus dan berguna, jika di-jalankan dengan menepati tujuan-nya, ia-itu bila sahaja ibu bapa anak laki2 itu telah menetapkan fikir-an mereka yang anak mereka itu sudah sampai masa-nya dan patut di-kahwinkan, maka mereka pun mulai-lah menchari dan memerhatikan sa-orang ber-dua atau beberapa orang daripada anak2 dara yang mereka kenali, dan kemudian mereka memilih sa-orang di-antara anak2 dara itu dengan jalan di-pereksa dan di-selidek dengan sa-habis chermat daripada sahabat handai mereka yang karib2 dan yang kenal baik; bukan sahaja akan anak2 dara itu tetapi ibu2 bapa dan adek-beradek anak2 dara itu sa-hingga di-dapati dengan sa-puas hati mereka sa-orang daripada anak2 dara itu yang terbaik sa-kali. Pilehan ini bukan sahaja terkhas bagi diri-nya, tetapi ibu bapa dan adek-beradek-nya pun di-kehendaki supaya daripada orang2 yang elok perangai kelakuan-nya, kerana orang2 Melayu dahulu ada-lah berpegang kuat kapada perbidalan Melayu "Kalau hendak meminang anak '*pinang*' ibu bapa-nya dahulu", dan lebeh2 lagi meng-gemarkan hati mereka jika si-anak dara itu sudah khatam Qur'an dan bagus pula bachaan dan lagu-nya membacha Ayat2 Suchi itu dan mengerti pula sadikit sa-banyak hukum2 di-dalam ugama Islam. Bagitu juga mereka dapati rupa paras-nya pun elok dan menjahit menekat dan memasak makan pun chekap, maka semua-nya sifat2 yang tersebut itu ada-lah amat

menarek kegemaran hati orang tua2 dahulu, dan bagi mereka tidak pula termustahak ada-nya di-dalam sifat2 keadaan bakal si-menantu itu syarat2 persekolahan, walau pun di-dalam bahasa Melayu.

Di-dalam 'adat menikik atau menengok itu biasanya termasuk juga pergi melihat tuboh-badan si-anak dara itu sendiri menerusi sahabat2 yang karib kepada ibu bapa anak dara yang hendak di-pinang itu, dan ghalib-nya yang pergi menengok atau melihat itu hanya-lah pehak perempuan sahaja. Ada sa-tengah kedatangan hendak melihat itu di-beri tahu terlebih dahulu kepada pehak si-anak dara itu; tetapi ada juga yang datang menengok itu dengan tiba2 sahaja, tidak dengan memberi tahu lebeh dahulu. Pada faham orang tua2 dahulu bila di-lakukan kedatangan menengok atau melihat itu dengan tiba2 sahaja dan waktu mereka itu tiba di-dapati si-anak dara itu tengah mandi atau membasoh, maka ada-lah yang demikian itu membawa sempena yang baik, ia-itu menunjukkan jodoh pertemuan itu sejok, konon; erti-nya jika jadi di-ikat jodoh pertemuan itu, kehidupan mereka akan jadi senang lenang dan sa-muafakat keadaan rumah-tangga mereka. Akan tetapi kira-nya masa mereka datang itu anak dara itu sedang memasak maka kurang-lah baik padah-nya kerana dengan yang demikian, konon, ada-lah 'alamat panas, ya'ani tidak begitu baik. Begitu juga di-perchayai oleh orang tua2 Melayu dahulu bahawa jika di-dalam perjalanan mereka hendak pergi menengok anak dara itu berlaku sa-suatu benchana atau kayu di-tengah2 jalan, ya'ani sa-suatu yang menggendalakan, maka ada-lah yang demikian itu pun tiada/baik juga padah-nya. Keperchayaan2 demikian itu nampak-nya pada

zaman sekarang ini ada-lah sedang beransor kurang di-perchayai oleh orang2 kita Melayu, terutama-nya mereka yang telah terpelajar.

Sa-telah selesai di-lakukan usaha menilek dan menengok, saperti yang di-sebutkan di-atas itu dan sa-telah di-persetujui oleh pihak laki2, maka di-adakan-lah satu rundingan di-antara mereka anak-beranak dan adek-beradek serta warith2 yang ada bagi men-chari persetujuan serta ketetapan atas hari dan chara2 hendak masuk meminang/anak dara yang telah di-persetujui itu.

Peringatan:

Ada-lah di-peringat kepada pembacha2 ia-itu kita tidak sa-kali2 mengambil pengertian bahawa 'adat resam menilek atau menengok itu di-maksudkan saperti chara yang banyak juga di-lakukan oleh orang2 Melayu kita yang dahulu2 dan yang masih ada juga di-laku oleh sa-tengah pada sa-tengah mereka sekarang ini, ia-itu dengan chara menilek atau menengok untong nasib daripada to'2 bomoh, pawang atau burong jelatok, atau saperti orang menilek atau menengok kerana menikam EKOR, saperti yang telah jadi kelaziman kepada banyak daripada orang2 Melayu kita zaman ini! TIDAK! Terjauh sama sa-kali kita daripada mengambil pengertian, yang bukan sahaja satu 'amalan yang amat bodoh, bahkan yang sangat di-tegah oleh Islam Yang Maha Suci, kerana keperchayaan yang demikian adalah membawa sa-saorang itu kepada jalan SHIRIK—Na'udzu billahi min dzalik!!

'Menilek' atau 'Menengok' yang di-maksudkan dan yang kita faham dan terangkan itu ia-

lah yang bererti menilik, melihat, menyelidik dan mengiyarat dengan tujuan kerana berikhtiar hendak memilih sa-baik2 bakal menantu yang boleh hidup aman dan damai serta ria di-dalam pergaulan rumah-langga anak mereka.

(b) MEMINANG/BERTUNANG.

Maka dari keputusan muafakat yang tersebut di atas itu di-utuskan-lah oleh ibu bapa anak teruna itu orang tua2 sa-bagai mewakili mereka pergi masuk meminang anak dara itu daripada ibu bapa-nya. Biasa-nya ibu bapa anak dara itu tidak memberi jawab yang mu'tamad kepada pihak yang meminang itu, melainkan 'adat-nya mereka bertanggung; konon, kerana hendak berpakat dengan ahli2 warith yang rapat, walau sa-kali pun kira-nya mereka memang sudah bersedia hendak menerima pinangan itu. Ada sa-tengah tempoh-nya sa-kadar sa-hari dua sahaja, tetapi terkadang ada juga yang sampai sa-minggu atau lebih, baharu-lah pihak anak dara menghantar pula orang tua2 bagi pihak mereka pergi ka-rumah ibu bapa anak teruna itu menyampaikan penerimaan ibu bapa anak dara itu akan pinangan mereka itu; dan biasa-nya di-masa itu-lah juga segala syarat2 berkenaan dengan mas-kahwin dan belanja serta bulan dan hari-nya, yang kerja kahwin itu hendak di-jalankan di-per-setujui dan di-tetapkan antara kedua pihak. Ada juga yang bersetuju supaya di-dahulukan menghantar tanda, terutama-nya jika kerja kahwin itu lambat sa-dikit baharu hendak di-adakan.

Menghaziar Tendo. Di-masa dahulu dan hingga ka-masa ini sa-tengah pada sa-tengah-nya ada-lah juga di-'adatkan bahawa sa-telah "putus chakap", erti-nya pinangan pihak laki2 itu telah di-terima oleh pihak



Upacara berini, sa-orang ibu sedang "menyemping tawar" pengantin di atas pelamin. Perhatikanlah alat2 tepung tawar dan lain2 yang lazim digunakan dalam upacara itu—lihat m.s. 3133 (di terakan dengan kaidiman)



Mempeleli (pengantin laki2) sedang di-arak di-irangi oleh pasukan "Zikir rebana". Perhatikan juga "Bunga manggar" yang sentiasa tiada ketinggalan ketika mengarak pengantin—Lihat m.s. 36-40. *(Gambar Umar Isari)*

perempuan maka di-lakukan-lah penghantaran tanda daripada anak teruna kepada anak dara tunang-nya itu. Ada pun tanda yang di-hantar itu lazim-nya hanya-lah sa-bentuk chinchin sahaja, ia-itu chinchin intan atau berlian, besar-nya mengikut-lah kesukaan dan kemampuan ibu bapa anak teruna itu. Dan ada juga yang menyertakan dengan chinchin tanda itu lain2 barang, seperti kain2, selipar atau sepatu atau lain2 lagi.

Pada kedua2 pihak laki2 dan perempuan, 'adat atoran menghantar tanda itu ada-lah di-sertai dengan kenduri kendara, walau pun sa-chara kechil sahaja keadaan-nya. Berkenaan 'adat dan atoran menghantar tanda itu ada-lah di-sharatkan bahawa kira-nya pihak laki2, kerana sa-suatu sebab, tidak dapat menyempurnakan tujuan pertunangan yang di-tandakan dengan chinchin dan hantaran segala barang2 itu maka lepas-lah semua-nya itu, ya'ani tiada boleh chinchin dan barang2 itu di-minta kembali. Bagi pihak perempuan pula, jika dengan apa suatu sebab pun, kechuali anak dara itu mati, dia mungkir atau tiada mahu menyempurnakan tujuan pertunangan itu, maka hendak-lah pihak perempuan mengembalikan segala barang2 yang di-hantar oleh pihak laki2 itu sa-kali ganda banyaknya atau harga-nya.

Peringatan:

Sa-lain daripada 'adat resam pertunangan seperti yang di-sebutkan di-atas itu, ada lagi dua chara pertunangan yang termasuk dan terpakai juga pada 'adat resam Melayu, ia-itu:

- (a) *Pertunangan yang di-lakukan oleh ibu2 bapa kedua pihak pada masa anak mereka masih kechil lagi, dengan tulak payak berhantar*

tanda atau apa2 lain lagi, ia-itu sa-mata2-nya kerana kaseh mesra persahabatan ibu2 bapa kedua pehak itu sahaja berkehendak merapatkan ikatan silat ul-rahim kelua pehak mereka. Pertunangan yang demikian biasanya atau kebanyakan-nya ada-lah di-hormati dan di-langsungkan sa-hingga berkahwin kedua2 anak itu.

(b) *Pertunangan mengikat wasiat salah sa-orang daripada ibu2 bapa di-antara dua orang sahabat yang damping sa-belum mati-nya banyak juga di-jalankan dan kerap berkesudahan dengan kedua anak2 mereka itu berkahwin, sungguh pun pertunangan itu tiada dengan bertanda atau bersharat apa2 pun.*

(c) MENGHANTAR BELANJA DAN/ATAU 'AKAD.

Mengikuti 'adat resam lama, menghantar belanja itu biasa-nya di-jalankan lebeh dahulu dan berasingan dengan ber'akad nikah, tetapi sekarang ini menghantar belanja itu selalu di-jalankan bersama2 dengan ber'akad nikah; yang demikian ada-lah lebeh ringkas dan lebeh kechil belanja-nya, kechuali ada yang bersengaja hendak berboros membelanjakan-nya.

Ada pun barang2 yang di-hantar itu menurut yang di-'adatkan ia-lah saperti yang kita sebutkan di-bawah ini lebeh kurang, dan barang2 ini ada-lah di-arak (bersama2 dengan mempelai jika di-kehendaki di-jalankan sa-masa dengan-nya) ia-itu:—

(a) Wang mas-kahwin dan belanja (ada yang menyerahkan wang mas-kahwin itu khas katangan mempelai itu sendiri bagi di-serahkan-nya sa-telah selesai ia di-'akad nikahkan kelak) di-taruh di-dalam cheper atau batil

- bertudong daripada perak atau tembaga puteh.
- (b) Sa-bentok chinchin permata intan atau berlian, di-taruh di-dalam chembul atau kotak perak.
 - (c) Kain dan baju—lazim-nya kain dua baju sahelai daripada jenis yang chukup baik, di-taruh di-dalam talam perak atau tembaga puteh bertudong.
 - (d) Beberapa macham kueh=juadah, tiap2 samacham di-taruh di-dalam sa-buah pinggan besar, bertudong hidang dan beralas talam tiap2 satu-nya.
 - (e) Beberapa jenis buah2an yang baik2 di-taruh di-dalam bekas atau talam bagi tiap2 sa-jenis dan di-tudong.
 - (f) Tepak sireh atau puan perak atau tembaga puteh dengan sa-lengkap isi-nya, jika mempelai bersama kerana 'akad, dan,
 - (g) Satu atau dua perechek atau perenjis ayer mawar dan dua kaki dian atau lilin.

Segala barang2 yang tersebut di-atas itu di-bawa tiap2 satu-nya oleh sa-orang pemuda dan di-arak daripada rumah mempelai itu ka-rumah pengantin perempuan dengan mempelai itu biasa-nya berpakaian sa-lengkap pakaian Melayu asli atau pakaian haji ya'ani berserban jubah menghormati majlis 'akad. Bila sampai mempelai dan angkatan-nya itu di-rumah pengantin perempuan maka di-sambut-lah oleh pehak pengantin perempuan dan terus di-bawa naik dan di-ator barang2 hantaran itu berjijir, biasa-nya di-hadapan pelamin, yang memang/sudah sedia lengkap di-buat dan di-hiasi di-dalam rumah itu, dan di-hadapan

orang2 jamuan atau dhaif2 yang sudah sedia berator dudok dengan di-ketuai oleh tuan kadhi, jika majlis itu di-sertakan dengan 'akad sa-kali.

Sa-belum di-jalankan 'akad nikah maka wang belanja, sama ada dengan mas-kahwin-nya sa-kali atau tidak, dan lain2 barang2 hantaran, saperti chinchin dan kain2 baju itu di-hitong dan di-pereksa oleh tuan kadhi dengan dua orang sa-bagai saksi-nya bagi pehak perempuan, atau kira-nya bukan majlis 'akad, yang demikian tiada di-sertai kadhi, maka wang dan barang2 yang di-hantar itu ada-lah di-terima oleh sa-orang wakil pehak perempuan itu dengan dua orang saksi daripada antara yang hadir di-dalam majlis itu.

Sa-telah selesai di-terima semua wang dan barang2 itu maka barang2 itu pun di-hantarkan masuk ka-dalam rumah itu, kechuali yang di-tinggalkan di-luar, biasa-nya, ia-lah tempat sireh, talam bunga rampai dan perenjis ayer mawar. Jika majlis itu juga majlis 'akad dan mempelai telah ada sedia di-dudokkan di-atas sa-bidang tikar sila maka tuan kadhi itu pun mulai-lah mendaftarkan nama mempelai itu dengan segala syarat2 yang di-kehendaki dan sa-telah selesai maka ia pun membacha khutbah nikah itu dengan bahasa 'Arab (memang dahulu semua khutbah nikah di-bacha dengan bahasa 'Arab sahaja). Sa-telah selesai khutbah nikah itu di-bacha maka tuan kadhi itu pun memanggil dua orang yang menyain sa-bagai saksi di-dalam buku daftar nikah-nya tadi supaya hampir dekat dengan mempelai untok mendengar dan menyaksikan betul dan nyata tidak-nya jawab mempelai itu sa-rentak dengan penyudah sebutan lafaz nikah-nya bila di-gonchang-nya tangan mempelai itu

kelak. Kemudian tuan kadhi itu pun menchapai dan memegang tangan kanan mempelai itu dengan tangan kanan-nya lalu di-'akadkan-nya dengan melafazkan kata, mula2 dalam bahasa 'Arab (zaman sekarang ini sahaja baharu di-lafazkan 'akad itu terus ka-dalam bahasa Melayu), kemudian baharu di-katakan terjemahan-nya kepada bahasa Melayu lebeh kurang demikian: "Hai polan bin polan, aku nikahkan dikau dengan polan binti polan, yang telah memperwakili ia akan daku dengan mas-kahwin sa-banyak \$..... (tunai atau hutang) dan belanja-nya \$.....", sa-baik habis sahaja perkataan yang akhir itu di-lafazkan-nya maka dengan serta-merta itu juga digonchang-nya tangan mempelai yang di-pegang-nya itu dan pada sa'at itu-lah juga di-kehendaki mempelai itu menjawab dengan sa-rentak dan dengan betul dan terang, yang boleh di-dengar sa-kurang2-nya oleh tuan kadhi dan dua orang saksi yang hampir dengan-nya itu, demikian lafaz jawab-nya: "Aku terima nikah-nya polan binti polan dengan mas-kahwin sa-banyak \$..... (tunai/hutang)". Jika jawab mempelai itu lambat atau teragak2 keluar-nya atau tiada terang kedengaran kedua saksi-nya itu maka tuan kadhi itu akan mengulangi sa-kali atau beberapa kali lagi lafaz 'akad-nya itu sa-hingga dia dan kedua2 saksi-nya itu puas hati dengan jawapan mempelai itu.

Sa-telah selesai maka mempelai itu pun bangun lalu bersalam2an atau berjabat tangan mula2 dengan tuan kadhi kemudian bapa mertua-nya, jika dia ada di-majlis itu, dan dengan sakalian yang hadhir lepas sa-orang, sa-orang dan sa-telah habis maka mempelai itu pun di-bawa orang kembali ka-rumah-nya. Bunga rampai dan sireh pinang yang di-bawa di-bahagikan

kapada dhaif sa-lepas jamuan manakala bekas² kueh dan juadah serta buah²an di-isi oleh pehak perempuan dengan balasan yang berpatutan dan di-bawa balek oleh pehak laki² ka-rumah mempelai. Sa-telah mempelai balek maka jamuan di-rumah pengantin perempuan itu pun di-edarkan-lah bagi sakalian dhaif² yang hadir. Biasa-nya di-majlis 'akad jamuan-nya nasi jua, sa-kadarkan tidak-lah sa-bagitu ramai seperti di-masa jamuan yang tertentu, melainkan jika jamuan yang tertentu itu di-adakan pada masa 'akad itu juga maka besar-lah keadaan-nya.

Sa-sungguh-nya ada-lah di-nyatakan di-sini bahawa pada masa dahulu demikian juga sekarang ini, kerja menghantar belanja itu biasa-nya di-dahulukan beberapa hari daripada hari 'akad, atau hari 'akad itu di-dahulukan sa-hari atau sa-malam atau lebeh daripada hari bersanding; tetapi ketetapan atas yang demikian biasa-nya ada-lah di-dapatkan dengan persetujuan di-antara kedua pehak yang membuat kerja kahwin itu, dan ada-lah bergantung chepat lambat-nya itu kapada kechil besar pekerjaan kahwin yang hendak di-jalankan itu, terutama-nya jika di-dalam pekerjaan kahwin itu hendak mengikut 'adat berhinai tiga hari, ia-itu berhinai churi, berhinai kechil dan berhinai besar.

FASAL KEDUA:—(a) BERANDAM DAN BERASAH GIGI.

Biasa-nya masa dahulu (tidak banyak lagi di-jalankan sekarang ini walau pun di-kampong²) lebeh kurang tiga hari sa-belum kerja kahwin itu di-mulakan maka ada-lah di-'adatkan ia-itu anak dara yang hendak di-kahwinkan itu di-andam oleh tukang andam yang memang kerja-nya mengambil upah menjadi 'emak pengantin' dan dia-lah juga menjadi tukang

andam. Erti-nya berandam itu ia-lah perempuan yang hendak kahwin itu di-chukor dan di-perelokkan bentok bulu kening-nya dan di-chukor andam anak rambut di-sapanjang dahi-nya, dan kemudian gigi si-anak dara itu pun di-asah dengan sa-jenis batu pengasah gigi supaya mana2 yang ta' sama gigi itu di-persamakan. Di-lakukan demikian oleh orang tua2 dahulu itu ia-lah dengan tujuan yang baik, ia-itu kerana hendak menambah kechantekan anak dara itu, walau pun sa-balek-nya pada fikiran orang masa sekarang ini.

Sa-telah selesai di-andam dan di-asah gigi-nya maka anak dara itu pun di-mandikan serta di-bedak, akhir-nya di-mandikan dengan ayer daun dan buah limau purut serta di-sintok langir sa-kali, kerana yang demikian ada-lah di-'adatkan sebab keperchayaan orang tua2 dahulu bahawa perbuatan yang demikian itu boleh membuang geroh, sial, malang dan mala petaka daripada anak dara itu, konon.

Apabila telah siap di-mandikan maka hujung kesapuluh2 jari tangan, di-tengah2 kedua belah tapak tangan dan di-sakeliling kedua belah kaki anak dara itu di-hinaikan. Menepek hinai ini di-lakukan terlebih dahulu daripada di-jalankan 'adat berhina di-pelamin.

(b) BERHINAI DI-PELAMIN.

Sungguh pun 'adat atoran berhina di-pelamin ini tidak banyak lagi orang2 kita Melayu menjalankannya lebeh daripada sa-kali sahaja, akan tetapi maseh juga ada lagi yang menjalankannya kerana bersuka2 sa-sama mereka sama sa-rumah; dan oleh yang mampu berbelanja kerana-nya di-lakukan sampai tiga kali berhina di-pelamin, ia-itu pada kali pertama di-namakan *berhinai churi*, pada kali kedua di-namakan *berhinai kechil* dan pada kali ketiga di-namakan *berhinai*

besar. Biasa-nya 'adat berhina di-pelamin ini dalam kebanyakan negeri2 Melayu di-jalankan pada malam hari, kechuali di-Johor dan sa-buah dua negeri yang lain menjalankan-nya di-sabelah petang (siang) hari.

Atoran 'adat berhina yang biasa di-jalankan adalah lebeh kurang saperti berikut ia-itu pada berhina churi, berhina kechil dan berhina besar:—

Sa-belum 'akad atau/dan bersanding anak dara itu di-pakaikan dengan pakaian yang indah2, ya'ani pakaian pengantin, lalu di-naikkan dudok di-atas pelamin di-hadapan kumpulan kaum keluarga dan sahabat handai yang damping2 laki2 dan perempuan, terutama-nya kaum perempuan. Di-atas pelamin itu hanya pengantin perempuan sahaja di-hinaikan ketika berhina churi dan berhina kechil; tetapi pada masa berhina besar, mempelai datang ka-rumah pengantin perempuan kerana berhina besar, ia-itu sa-sudah pengantin perempuan itu di-hinaikan dan di-turunkan daripada pelamin dan di-bawa masuk baharu-lah mempelai itu pula di-naikkan ka-atas pelamin dan di-hinaikan. Ringkasan chara menghina di-atas pelamin itu ia-lah saperti berikut:—

Di-atas pelamin di-hadapan pengantin itu ada sa-buah pahar berkaki tinggi dan di-dalam atau di-atas pahar itu ada terator beberapa bekas2 atau piring2, satu berisi beras kunyit, satu berisi berteh dan yang satu lagi berisi ayer tepong tawar dengan perenjisnya, dan di-tengah2 pahar itu sa-biji astakona kechil berisi hina yang sudah bergiling halus. Mula2 yang menghinaikan pengantin itu ia-lah orang2 laki2 daripada keluarga pangkat yang tua2 dengan bergilir2 naik ka-pelamin. Mula2 di-jemput-nya sa-jemput beras kunyit dari bekas yang di-atas pahar itu dan

di-hamborkan-nya ka-kiri kanan pengantin itu, kemudian di-jemput-nya pula sedikit berteh dan di-hamborkan-nya demikian itu juga; sa-sudah itu di-chechah-nya perenjis tepong tawar itu sedikit ka-dalam ayer tepong tawar itu lalu di-tepokkan-nya sedikit ka-atas belakang tangan pengantin yang memang sudah sedia di-susun dan di-letakkan oleh emak pengantin, atau tukang andam di-atas ribaan pengantin itu, kemudian di-jemput-nya sedikit hinaj daripada astakona hinaj itu lalu di-chalitkan-nya sedikit di-tapak tangan pengantin yang sudah di-tadahkan dan di-alas oleh emak pengantin itu dengan daun sireh. Sa-telah itu maka emak pengantin itu pun menyusunkan jari kedua tangan pengantin itu dan di-angkatkan-nya ka-muka pengantin itu sa-laku orang menyembah. Demikianlah di-jalankan 'adat menghinaj itu oleh sa-bilangan yang ganjil daripada orang2 laki2 di-dalam majlis itu, ia-itu tiga, lima atau tujuh orang. Sa-telah selesai orang laki2 menghinaikan maka mereka pun turun atau keluar daripada majlis itu bagi di-gantikan dengan orang2 perempuan pula keluar kerana menghinaikan pengantin itu dengan chara2 yang sa-demikian itu juga.

Demikian-lah atoran yang di-jalankan pada berhinaj churi dan berhinaj kechil manakala pada berhinaj besar demikian itu juga chara2-nya tetapi pada berhinaj besar itu pengantin laki2 di-bawa datang ka-rumah pengantin perempuan dan di-hinaikan di-atas pelamin itu lebeh dahulu daripada menghinaikan pengantin perempuan.

FASAL KETIGA:—(a) BERSANDING.

Sa-belum di-terangkan 'adat peratoran bersanding di-atas pelamin bagi kedua2 pengantin laki2 dan

perempuan, atan pada pengertian kehendak-nya ia-lah singgahsana bagi persemayaman 'raja sa-hari' dengan 'permaisuri'-nya maka elok-lah kita nyatakan sadikit dahulu lebeh kurang akan rupa dan chara-nya pelamin itu di-perbuat.

- (a) Lebeh kurang bentok-nya pelamin itu, 'ada-lah sa-akan² singgahsana serta dengan p^{eterakna}-nya daripada bangku atau kaus atau dua buah kerusi, tempat dudok kedua pengantin itu bersanding. Pelamin itu di-perbuat daripada kayu dan kertas tebal di-sampul dan di-hiasi dengan kertas² bunga dan kain² sutera yang berwarna-warni dan dengan pelita² kechil bermacham warna (zaman dahulu daripada pelita² minyak kelapa tetapi zaman elektrik sekarang dengan pelita² elektrik berwarna-warni pula). Besar kechil, mahal murah atau elok burok-nya perbuatan pelamin itu adalah bergantung kapada kemampuan tuan rumah itu dan kapada kepandaian tukang pelamin itu. Tinggi-nya pelamin, kebanyakan-nya, dua atau tiga tingkat dan tiap² satu tingkat hanya lebeh kurang tinggi-nya satu kaki sahaja. Peterakna atau kaus tempat dudok kedua pengantin itu bersanding di-sampul dengan kain sutera atau baldu berwarna-warni dan bertekat sulam yang amat permai rupa-nya. Di-hadapan p^{eterakna} itu yang di-letakkan pada tingkat atas sa-kali ia-lah satu pahar yang di-panggil orang Melayu dengan nama "astakona" berisi nasi kunyit yang di-hiasi dengan bunga² telur berchelup merah dan di-kemunchak gubahan nasi kunyit itu di-chachakkan sa-jambak karangan bunga daripada kertas

perada dan manek jemeki yang berwarna-warni dan permai rupa-nya.

- (b) Bila sampai tempoh-nya pengantin kedua itu hendak di-sandingkan maka perkara yang mula sekali di-lakukan ia-lah memakaikan pengantin perempuan, dan bila pemakaian pengantin perempuan itu di-mulakan sahaja, biasa-nya di-hantarlah khabar kepada pihak mempelai mengatakan bahawa pengantin perempuan sudah mula di-pakaikan; dan pada lebeh kurang sa-kian lama-nya ada-lah di-kehendaki supaya perarakan membawa mempelai kerana bersanding itu di-mulakan. Bila pengantin perempuan sudah hampir siap atau sudah siap berpakaian, khabaran akhir pun di-hantar kepada pihak mempelai dengan tujuan supaya mempelai itu boleh berangkat datang sama-masa itu juga.
- (c) Sa-telah lengkap pengantin perempuan itu di-pakaikan, biasa-nya pada masa dahulu kebanyakannya dengan pakaian Melayu asli yang serba indah, maka ia pun di-pimpin oleh emak pengantin dengan sa-orang budak perempuan sa-bagai pengapit-nya dengan pakaian yang serba indah juga berjalan perlahan2 naik ka-pelamin dan di-dudokkan di-atas peterakna pelamin itu pada sa-belah kiri-nya, dan di-sisi sa-belah kiri-nya berdiri pengapit-nya dengan satu kipas bertekat mengipas pengantin itu perlahan2. Ada pun pengantin perempuan itu, mengikut 'adat, hendaklah keadaan dudok-nya di-sapanjang masa ia di-pelamin itu dengan memejamkan kedua mata-nya dan menundukkan kepala-nya sedikit sa-bagai menunjokkan tanda malu dan sopan itu ada-lah

sifat2 sa-mula jadi bagi perempuan. Biasa-nya, sa-masa dengan pengantin perempuan itu di-bawa keluar kerana di-dudokkan di-atas pelamin itu-lah masa-nya mempelai itu mulai keluar dari rumah-nya di-arak ka-rumah pengantin perempuan itu. Tetapi kira-nya rumah-nya jauh atau per-arakan-nya hendak di-lanjutkan masa-nya, maka mempelai itu di-bawa keluar berarak lebih dahulu daripada pengantin perempuan itu di-letakkan di-atas pelamin supaya tidak menyakiti pengantin perempuan itu kerana lama sangat duduk menunggu di-pelamin itu; kita kata menyakiti itu ia-lah kerana ghalib-nya pakaian yang di-pakai kan kepada pengantin perempuan itu ia-lah terlalu sarat dan daripada yang tebal2 kain-nya, terutama-nya pakaian kepala-nya, mengikut pakaian pengantin dahulu terlalu berat.

- (d) Pengantin laki2 yang juga sudah siap berpakaian dengan sa-lengkap pakaian chara Melayu asli juga, ia-itu bertengkolok berbengkong dan berkeris, mulai-lah di-bawa berarak. Pada zaman dahulu, di-kampung2 terutama-nya, bagi pengantin yang berpangkat dan/atau yang berkemampuan di-arak dengan di-dudokkan dia di-atas usongan, kalau tidak dia di-arak dengan berjalan kaki sahaja.
- (e) Ada pun 'adat peratoran mengarak pengantin masa dahulu ia-lah lebih kurang seperti berikut:—
- (i) Di-hadapan sa-kali antara pasokan per-arakan itu ia-lah pasokan2 orang2 berebana, berkompang dan/atau bermarhaban, dan di-belakang-nya berjalan sa-otang membawa



Upacara persandingan menurut cara moden dan yang
kebiasaan dapat di-saksikan pada masa ini.
(di-terakan dengan keldrinan)



Upacara persandingan menurut peristiaan adat yang agak tua sedikit. Perhatikanlah corak2 pakaian pengantin dan mempelai itu. *(Gambar Umar Danti)*

tepak sireh atau puan lengkap dengan isinya dan bertudongkan penudong yang diperbuat seperti rupa kepala merak jantan daripada perak atau tembaga puteh atau yang sa-umpama-nya; di-kiri kanan tepak itu sa-orang membawa kaki dian yang dianya sedia terpasang dan di-belakang tepak dan kaki dian itu-lah mempelai itu berjalan, berjulang atau berusong dengan sa-orang pengapit-nya, budak laki2 yang di-pakaikan dengan pakaian Melayu serba indah seperti mempelai itu juga dan sa-orang tua sa-bagai pengiring-nya berjalan atau bersama dudok di-atas usongan itu. Di-belakang pengantin laki2 berjalan-lah orang2 ramai daripada kaum keluarga dan sahabat handai yang damping kepada pehak laki2 itu.

Angkatan perarakan itu dahulu ada-lah di-terangi dengan sulohan api minyak tanah atau andang yang di-bawa orang beberapa batang sa-belah, berjalan bersama2 di-kiri kanan angkatan itu dan di-sapanjang jalan riuh-rendah-lah bunyi suara orang berdzikir dan marhaban dengan bunyi pukulan rebana dan kompang bersambut2an. Lazim-nya dahulu dzikir atau marhaban itu ada-lah dinyanyikan dengan bahasa 'Arab. Demikianlah di-arak mempelai itu sa-hingga sampai hampir dengan halaman rumah pengantin perempuan. Biasa-nya sa-kumpulan orang2 perempuan dari pehak laki2 di-hantar atau pergi dahulu sedikit ka-rumah pengantin perempuan itu. Mereka ada-lah di-sambut

dengan sibaran atau taboran beras kunyit dan di-dudokkan pada tempat yang memang telah di-sediakan di-hadapan pelamin itu.

- (ii) Ada pun di-hadapan halaman rumah pengantin itu ramai pula orang2 laki2 tua muda—kebanyakan orang2 muda, biasa-nya, berhimpun kerana menyambut mempelai itu, dan pada kumpulan mereka pun ada di-hadapan-nya sa-kali sa-orang membawa tepak sireh yang sa-rupa keadaan-nya melainkan tudong-nya di-bentok dengan rupa kepala merak betina, dan di-kiri kanan yang membawa tepak itu orang membawa dian yang sedia berpasang juga dan ada juga dengan pasokan2 rebana, kompang dan marhaban-nya. Ketika berhadapan sahaja kedua pasokan itu di-halaman rumah pengantin maka gemuruh-lah bunyi suara dzikir dan marhaban kedua pihak bersambut2an menyanyikan lagu masing2.
- (iii) Bila tiba berhadapan kedua kumpulan itu lebeh kurang sa-puluh dua puluh ela jarak di-antara kedua-nya di-halaman rumah pengantin itu maka berhenti-lah angkatan perarakan mempelai itu dan tampil-lah pembawa tepak sireh pihak laki2 itu satu dua tapak ka-hadapan dengan chabaran-nya akan pembawa tepak sireh pihak perempuan itu. Dengan serta-merta itu juga, sa-olah2 menerima chabaran itu, tampil pembawa tepak sireh pengantin perempuan sa-tapak dua juga dan dengan tidak menunggu apa2 lagi pembawa tepak mempelai itu pun mulai

memechah silat-nya dan bagitu juga pembawa tepak sireh pengantin perempuan itu pun memechah silat-nya, lalu kedua-nya berpenchak sa-laku merak mengigal. (Zaman dahulu sa-memang-nya orang2 yang di-pilih membawa tepak bagi kedua pehak itu adalah daripada mereka yang pandai dan chekap menari penchak silat yang di-gemari masa itu.)

Sa-sudah berapa minit di-lakukan tarian penchak silat itu maka kedua yang menari itu pun rapat antara kedua mereka lalu di-temukan kedua munchong merak gambaran tudong kedua tepak sireh itu dan di-sambut perbuatan itu dengan sorak saka-lian yang hadhir, dan mempelai itu pun di-pimpin dan di-iringkan bawa ka-pintu hadapan rumah itu lalu tampil sa-orang membacha selawat tiga kali dengan suara yang kuat dan sedap lagu-nya sa-bagai memberi selamat mempelai itu masok ka-rumah itu. Dari tangga bawah sa-kali di-luar pintu yang hendak di-masoki oleh mempelai itu biasa-nya di-hampar dengan permaidani panjang atau kain panjang sa-hingga kapa-da ketapak tingkat pelamin yang bawah sa-kali bagi alas perjalanan mempelai itu ka-pelamin.

- (iv) Sa-belum mempelai itu dapat di-bawa masok melaluī pintu hadapan itu, pada zaman dahulu, (zaman sekarang ini 'adat ini hampir sudah tidak di-'amalkan lagi oleh kebanyakan orang2 kita Melayu, hatta yang di-

kampong2 pun) ada beberapa orang pehak laki2, terutama-nya pemuda2, yang di-'adatkan duduk atau berdiri menyekat mempelai itu daripada di-bawa masuk melainkan terlebih dahulu membayar tebus pintu atas kadar persetujuan di-antara kedua pehak. Jika ada lebih daripada satu pintu yang hendak di-masuki maka dua kali-lah bayaran tebusan itu mesti di-bayar, jika tidak maka mempelai itu pun di-bawa-lah berjalan kepada pelamin itu; tetapi ghalib-nya, di-atas ketapak bawah pelamin itu duduk pula berderet beberapa orang perempuan menyekat mempelai itu daripada di-bawa naik di-dudukkan di-sisi pengantin perempuan di-atas peterakna pelamin itu melainkan dengan membayar harga tebus pelamin.

Sa-telah bayaran tebus di-selesaikan maka mempelai itu pun di-bawa-lah naik hingga ka-hadapan peterakna bagi di-dudukkan di-sabelah kanan pengantin perempuan, akan tetapi di-sini pun dan bagi kali-nya yang akhir pehak mempelai itu terpaksa membayar bayaran tebus yang akhir, ia-itu tebus kipas yang sa-masa itu sedang di-pegang oleh emak pengantin mendinding muka pengantin perempuan itu. Bayaran tebusan ini pun mesti-lah di-sempurnakan, dan di-antara tiga bayaran2 tebus itu bayaran tebus kipas ini-lah yang terbesar sekali. Sa-telah bayaran itu di-sempurnakan maka baharu-lah emak pengantin itu membuka muka pengantin perempuan itu dan

menyambut mempelai itu di-dudokkan-nya di-sabelah kanan pengantin perempuan dan pengapit mempelai itu berdiri di-sabelah kanan mempelai itu.

- (v) Dudok-lah kedua pengantin itu di-hadapi oleh penoh sesak dengan dhaif² perempuan yang dudok di-hadapan pelamin itu menjamu mata mereka dengan pandangan yang amat mereka gemari itu. Dari keadaan 'adat bersanding ini-lah terbit peribahasa mengatakan pengantin itu "raja sahari" kerana dudok-nya di-atas pelamin itu di-hadapi oleh sakalian dhaif² itu, saolah ra'ayat mengadap raja dan permaisuri-nya, hanya bedza-nya di-sini bukan mereka di-junjong duli tetapi di-tuntun.

Dalam masa bersanding itu-lah di-lakukan oleh emak pengantin itu 'adat bersuap² an di-antara kedua pengantin itu, ia-itu emak pengantin itu menjemput sedikit nasi kunyit daripada paha astakona itu dan diberi-nya mula² kepada tangan pengantin perempuan dan dengan memegang nasi itu dengan dua jari-nya maka di-angkat oleh emak pengantin tangan-nya itu kepada mulut mempelai itu sa-bagai isyarat menyuapkan dia. Sa-telah itu maka di-lakukan sa-demikian itu juga oleh mempelai kepada pengantin perempuan itu pula.

Sa-telah selesai di-jalankan 'adat bersuap² an itu maka emak pengantin itu pun turun daripada pelamin itu dan sakalian

sanak saudara dan sahabat handai laki2, yang belum naik melihat persandingan itu di-jemput naik melihat sa-hingga habis semuanya melihat persandingan yang amat di-sukai dan di-besarkan oleh orang2 kita, terutama-nya oleh kaum perempuan Melayu, maka baharu-lah telur yang terchuchok pada nasi kunyit di-astakona itu di-chabut dan di-bahagikan kepada dbaif2 perempuan di-dalam majlis itu sa-orang sa-biji atau sa-kadar yang menchukupi.

- (vi) Sa-telah itu maka kedua pengantin itu pun di-bawa oleh emak pengantin itu turun daripada pelamin itu berjalan perlahan2 dan dengan kedua-nya berpimpin tangan dan mengaitkan jari kelengkeng mereka satu dengan lain di-bawa terus masuk ka-dalam bilek peraduan pengantin, yang sudah sedia di-siapkan dan di-hiasi dengan sa-elok2 kelengkapan dan perhiasan.

Di-dalam bilek ini kedua pengantin itu di-dudokkan pula bersanding di-atas tikar sila, yang bertekat dan bersulam dengan benang emas, kelengkan dan jemeki sarongnya, di-hadapan tempat tidor daripada gerai atau katil yang telah terhias dengan sa-indah2 keadaan dan perhiasan. Sa-telah kedua-nya di-dudokkan maka emak pengantin itu pun mengambil kedua belah tangan pengantin perempuan lalu di-persalamkannya dengan tangan mempelai itu sa-bagai tanda mula berkenal di-dalam pendahuluan berkaseh di-antara mereka suami isteri.

“Adat berkahwin dahulu kemudian berkaseh” chara saperti ini ada-lah ‘adat purba-kala, bukan sahaja kapada bangsa Melayu, bahkan kapada kebanyakan bangsa2 di-dalam dunia ini, terutama-nya bangsa2 yang menganut ugama Islam; dan sungguh pun haruan kemodenan sudah banyak mengubah-nya, tetapi maseh banyak juga daripada orang2 Melayu, hatta di-antara yang berpelajaran dan bertamaddun, yang berpegang dan menggalakkan “adat berkahwin dahulu, kemudian berkaseh”, kerana pada fikiran mereka yang demikian ada-lah lebeh selamat dan bahagia.

Sa-telah itu maka emak pengantin itu pun keluar-lah daripada bilek itu serta menutup pintu-nya dan meninggalkan kedua pengantin suami isteri itu bersendirian di-dalam bilek itu kira2 sa-jam dua bagi memberi peluang kapada mereka, ya’ani di-sini tentu-lah kapada suami itu, memulakan tegor-sapa permulaan di-antara mereka. Kemudian daripada sa-jam atau dua keduanya bersendirian di-dalam bilek itu maka emak pengantin itu pun masok dan membawa pengantin perempuan itu keluar daripada bilek itu, manakala mempelai itu tinggal-lah di-dalam bilek pengantin yang dari masa itu sudah jadi tempat-nya sendiri.

Pengantin perempuan itu tidak lagi dibawa masok sa-mula ka-dalam bilek itu, melainkan kira-nya saperti di-satengah2 negeri bersanding itu di-selesaikan sa-belum

sampai waktu maghrib, maka pengantin perempuan itu kelak di-bawa masuk sa-mula pada waktu makan malam kerana melayani suami-nya makan atau makan bersama-nya, dan sa-lepas makan malam itu pengantin perempuan itu mengikut 'adat, belum juga lagi di-biarkan berlamaan di-dalam bilek itu. Demikian-lah tiap2 hari dan malam, sa-lama dua hari dua malam sa-lepas bersanding pengantin perempuan itu di-salinkan pakaian yang indah2 empat kali sa-hari, tetapi bukan lagi pakaian pengantin; ia-itu pertama kali waktu masuk ka-bilek itu kerana makan pagi (fudur), kedua kerana makan tengah hari, ketiga kerana minum teh petang dan keempat kali-nya kerana makan malam, dan pada tiap2 kali-nya sa-lepas makan pengantin perempuan itu ada-lah digalakkan dudok berlamaan sadikit di-dalam bilek bersama2 suami-nya dengan tujuan supaya meluaskan peluang bagi suami isteri itu bergurau senda untok menyemai bench kaseh di-antara kedua mereka.

Maka pada hari yang ketiga, atau ada juga pada hari yang keempat, tiba-lah masa-nya pengantin suami isteri itu tidor bersama pada malam-nya, dan mengikut 'adat, pengantin perempuan itu, sa-telah selesai makan malam bersama suami-nya dan sa-belum waktu tidor, di-bawa keluar daripada bilek pengantin itu oleh emak pengantin dan di-salinkan pakaian serba puteh warna-nya

dan tempat tidur di-bilek pengantin itu pun di-salin chadar dan sarong2 bantal-nya semua dengan yang berwarna putih belaka. Dan lagi ada-lah di-'adatkan juga pada malam itu, masa dahulu, di-adakan permainan daripada bunyi2an dan tarian yang ringan2, seperti zapin atau yang sa-umpamanya, sa-bagai mera'ikan malam persatuan hayat kedua pengantin suami isteri itu.

Mengikut 'adat kita Melayu dari semenjak berzaman2 dahulu, boleh di-katakan banyak lagi yang masih mengikut-nya hingga sekarang ini, terutama-nya di-kampung2, bahawa sa-telah selesai persatuan hayat diantara suami dengan isteri-nya malam ketiga atau keempat itu maka pada esok paginya, sa-belum 'adat mandi2 atau berlimau di-jalankan maka emak pengantin itu pergi bertemu dengan suami itu kerana memeriksa daripadanya akan tanda yang menyaksikan isteri-nya itu sa-benar-nya anak dara dan yang dia telah puas hati dengan keadaan itu, dan biasa-nya, suami atau mempelai itu akan menyerahkan kepada emak pengantin itu sa-helai sapu tangan putih yang mengandungi tanda yang di-kehendaki itu dan sapu tangan yang mengandungi tanda itu bagi di-bawa oleh emak pengantin itu dan di-tunjokkan kepada ibu bapa pengantin laki2. Sa-telah selesai di-lakukan yang demikian dan nyata selamat-nya maka baharu-lah keriaan kedua pihak menchapai

sa-ratus peratus penoh keadaan-nya dan kelengkapan menjalankan 'adat mandi² atau berlimau pun di-sediakan-lah, seperti berikut:—

(b) MANDI² ATAU BERLIMAU.

Sa-telah sempurna kedua pengantin suami isteri itu menunaikan satu daripada hikmat² berkahwin maka di-adakan lagi sa-kali dengan pakaian serba indah—tetapi bukan pakaian pengantin lagi—dan di-sandingkan sa-mula di-atas pelamin di-hadapan kumpulan ibu bapa dan sanak saudara sahaja. Sa-telah sebentar di-sandingkan maka di-bawa pula kedua-nya turun dudok di-bangku atas kerusi di-tengah rumah itu dan di-sini-lah di-jalankan atoran mandi² dan bersintok limau sa-bagai menandakan yang persatuan antara kedua pengantin suami isteri itu telah sempurna dan selamat. Sa-telah kedua-nya selesai di-mandi dan di-sintok limaukan dengan isyarat sahaja maka kedua mereka pun di-bawa oleh emak pengantin ka-bilek peraduan pengantin dengan keadaan suami memimpin isteri-nya di-hujung sa-helai sapu tangan masuk ka-dalam bilek-nya. Manakala di-luar, sakalian yang ada laki² dan perempuan mulai-lah bersiram²an sa-sama mereka dan berkejar²an dengan suka ria. Ayer yang di-gunakan kerana siram-menyiram itu sengaja di-perbuat daripada berbagai² warna. Sunggoh pun 'adat ini daripada 'adat orang Melayu kita dahulu tetapi sekarang ini boleh di-katakan hampir² tiada lagi orang² kita menjalankannya. Ada pun 'adat atoran mandi² yang maseh di-lakukan lagi sekarang ini ia-lah di-dalam 'adat isti'adat bersiram pada sisi pengantin raja² memerintah dan atorannya ada-lah lebeh terator, seperti yang akan kita

terangkan pada Bahagian Yang Kedua dalam buku ini.

Ada pun kain basahan yang di-pakai oleh pengantin suami isteri itu tiada lagi di-ambil kembali oleh mereka kedua tetapi ada-lah di-jadikan pemberian atau hadiah kepada emak pengantin mereka. Menurut 'adat Melayu, bukan sahaja kain basahan itu tiada boleh di-ambil balek oleh kedua pengantin itu bahkan tertegah mereka oleh 'adat mengambil-nya, hatta memerah-nya sendiri tertegah mereka daripada melakukan-nya, kerana tujuan menghadihkan kain itu ialah kerana membuang geroh atau menolak bala' daripada kedua pengantin itu.

(c) SAMBUT-MENYAMBUT (BERTANDANG).

Sa-telah 'adat atoran mandi² itu selesai di-jalankan maka pada petang hari itu juga kedua pengantin suami isteri itu di-sambut ka-rumah pengantin laki², ya'ani ka-rumah suami-nya. Di-kalangan satengah² orang yang berada pada masa dahulu, 'adat menyambut ini pun di-lakukan dengan chara besar² juga, ia-itu dengan di-arak kedua pengantin itu dan di-sandingkan juga sa-kali lagi dengan mengadakan jamuan kenduri kendara berbesar²an, terkadang hanya kurang sedikit sahaja besar dan ramai-nya daripada keadaan di-masa kenduri kahwin yang mula itu. Sa-telah kedua suami isteri itu dudok kadar beberapa hari di-rumah suami itu maka di-sambut balek pula mereka ka-rumah isteri itu, maka dengan yang demikian tamat-lah 'adat nikah kahwin bagi kedua-nya. Ada pun tentang kedua suami isteri itu hendak berumah-tangga lama atau sementara di-rumah ibu bapa isteri atau ibu bapa suami atau mereka hendak be-

rumah sendiri itu ada-lah terpulang sa-mata2 kepada persetujuan mereka suami isteri di-belakang kelak, ada-nya.

(d) PERATORAN JAMUAN KENDURI KENDARA KAHWIN.

Ada pun jamuan2 kenduri kahwin yang utama sa-kali, sa-lain daripada yang kechil2, saperti kerana menghantar belanja, berhina, mandi2 dan sambut-menyambut, ia-lah di-adakan pada masa atau hari atau malam 'akad di-rumah pehak laki2 dan di-rumah pehak perempuan, dan malam bersanding di-rumah pehak perempuan, atoran serta masa2-nya ada-lah berlainan sadikit2 di-masing2 negeri. Ada negeri yang menjalankan jamuan kahwin itu dari waktu 'akad hingga selesai bersanding di-sabelah siang hari sa-hingga sa-belum maghrib sa-lewat2-nya saperti di-Johor, umpama-nya, dan jamuan bagi laki2 dan perempuan di-jalankan di-dalam satu hari itu juga; manakala ada pula negeri2 Melayu, yang di-sabelah utara Semenanjung Tanah Melayu, saperti di-Pulau Pinang dan Seberang Perai, umpama-nya, menjalankan jamuan itu di-dalam tempoh yang berpanjangan. Di-Pulau Pinang, di-jemput orang2 daripada pukul 8 pagi hingga 2 petang bagi laki2 dan/atau dari pukul 2 petang hingga 8 malam bagi orang2 perempuan atau ada yang menjalankan jamuan besar itu dua hari, ia-itu sa-hari bagi jamuan kaum laki2 dan sa-hari bagi jamuan kaum perempuan, dan jamuan bagi kaum perempuan itu mesti-lah di-adakan pada malam bersanding. Dan yang mengadakan majlis bersanding itu pada waktu malam selalu-nya berakhir hingga lewat malam baharu selesai.

(e) BERKAHWIN BUJANG ATAU JANDA
(PEREMPUAN).

Sa-saorang perempuan itu di-kata bujang atau janda kerana terjadi atas-nya salah satu daripada tiga kejadian ia-itu:—

- (a) Kerana ia telah di-cheraikan oleh suami-nya terbit dari beberapa sebab, antara-nya ia-lah berlaku perselisihan di-antara kedua-nya yang tidak dapat di-damaikan lagi, maka bujang atau janda-lah ia sa-lepas tiga bulan sembilan hari daripada hari ia di-cheraikan oleh suami-nya.
- (b) Kerana suami-nya telah mati, yang demikian bujang-lah ia sa-lepas edah-nya.
- (c) Kerana dia sendiri telah memutuskan persharikatan hayat-nya dengan suami-nya, ya'ani fasah daripada suami-nya, apabila telah tha-bit suami-nya itu telah meninggalkan dia atau belayar jauh meninggalkan-nya dengan tiada memberi atau mengirim sara nafkah bagi kehidupan-nya dan tiada pula mengambal tahu langsung akan hal-nya sa-lama saratus hari atau lebeh, maka jadi bujang atau janda-lah dia.

Ada pun masa atau tempoh sa-lama tiga bulan sembilan hari daripada hari isteri itu di-cheraikan oleh suami-nya, atau hari mula isteri itu berfasah daripada suami-nya atau dari hari suami-nya meninggal dunia itu adalah di-namakan atau di-kata "edah" menurut hukum Islam dan sa-lepas sahaja edah-nya itu maka boleh dan lulus-lah ia berkahwin

sa-mula, jika dan bila2 sampai jodoh-nya dengan sa-siapa laki2 yang lain.

Perempuan2 Melayu yang bujang, terutama-nya mereka yang di-kampung ada-lah bergantung nasib mereka boleh berkahwin pula dengan chepat atau lambat kapada rupa, perangai kelakuan dan keadaan kewangan mereka. Janda kaya biasa-nya lebeh chepat di-pinang, hatta oleh laki2 teruna; bagitu juga yang rupawan. Pendek-nya keadaan yang demikian bukan sahaja benar pada sisi kaum Melayu, bahkan boleh di-kata 'am pada sisi segala bangsa di-dalam dunia ini.

(f) MEMINANG PEREMPUAN YANG JANDA ATAU BUJANG.

Ada pun 'adat resam meminang janda atau bujang itu ada-lah jauh lebeh mudah dan ringkas daripada atoran meminang anak dara, dan 'adat atoran berkahwin dengan janda pun demikian itu juga mudah dan ringkas-nya. Laki2 yang hendak meminang sa-saorang janda itu hanya menjalankan tilekan dan siasat lebeh kurang sahaja dan bila sudah di-per-setuju; oleh laki2 itu maka di-hantar-nya-lah sa-orang tua perempuan masok meminang-nya dan yang menerima atau tidak-nya akan pinang itu ia-lah si-batang tuboh janda itu sendiri, kechuali jika ia-nya jadi janda pada hal ia masih muda benar lagi; ketika itu maka terpulang-lah perkara peminangan dan perkahwinan janda yang sangat muda itu kapada tadbir ibu bapa atau ahli warith-nya. Bila telah di-persetujukan dan di-terima pinangan itu maka di-tetapkan-lah segala syarat atas mas-kahwin dan belanja serta masa 'akad mereka. Zaman dahulu dan juga sekarang sa-

tengah pada sa-tengah orang2 kampung kita mas-kahwin dan belanja bagi janda itu biasa-nya di-tetapkan sama ada \$51/-, \$61/- atau \$101/-. Perkara mas-kahwin atau belanja kerana perkahwinan janda atau bujang bukan-lah sa-perkara yang di-berati sangat oleh orang2 Melayu kita, terutama-nya mereka yang di-kampung2 pada zaman dahulu, kerana kehendak mereka lebeh memandang kapada kesungguhan niat dan kebagusan budi pekerti laki2 bakal suami janda itu kerana mereka berharap kapada bela-pelihara bagi kesenangan dan keselamatan janda itu jua ada-nya.

(g) 'ADAT ATORAN PERKAHWINAN JANDA.

Kebanyakan-nya hanya-lah menjalankan kerja yang wajib sahaja ia-itu dengan mengadakan majlis 'akad dengan jamuan yang kechil sahaja dan sa-telah selesai daripada kenduri kendara maka malam itu juga-lah kedua suami isteri itu di-persatukan atau yang lebeh betul lagi mereka sendiri bersatu hayat diantara mereka ada-nya.

(h). 'ADAT PERKAHWINAN JANDA BERHIAS.

Chara berkahwin dengan atoran **Janda Berhias** itu hanya di-jalankan oleh ibu bapa si-janda itu kerana beberapa sebab, sa-tengah daripada-nya ialah:—

- (i) Anak mereka, si-janda itu, masih muda sangat lagi 'umur-nya.
- (ii) Perkahwinan-nya yang dahulu itu singkat sangat masa-nya.
- (iii) Ibu bapa itu tiada lain anak perempuan daripada anak-nya yang janda itu.
- (iv) Anak-nya itu pula terpuji rupawan-nya.

(v) Ibu bapa si-janda itu orang berada, kalau pun tidak kaya.

Ada pun chara-nya perkahwinan janda berhias itu sa-rupa-lah bagaimana yang di-jalankan pada perkahwinan anak dara juga (kechuali mandi² biasa tidak di-adakan), tidak berubah sedikit pun, hanya pada tentang kechil besar-nya sahaja kerja yang di-perbuat itu; terkadang ada yang mengkahwinkan anak yang janda dengan atoran janda berhias membuat kerja lebeh besar daripada mereka yang mengkahwin anak mereka yang dara.

Demikian-lah sa-chara ringkas dan kadar yang terdapat kita menerangkan serba yang mustahak di-dalam perkara² 'adat resam nikah kahwin pada sisi orang² Melayu, ada-nya.

IV

ADAT ATORAN BERKENAAN KEMATIAN

1. Apakala berlaku kematian pada sa-saorang orang Melayu, sama ada yang di-kampung atau di-pekan maka langkah yang mula sa-kali di-lakukan oleh pehak rumah yang berkematian itu ia-lah memberi tahu kepada siak atau penjaga masjid kampung atau pekan itu supaya di-tuliskan di-atas papan pemberi tahu masjid itu bagi pengetahuan orang2 kampung, siapa yang mati dan bila dan di-mana di-kebumi atau di-kuborkan—(ghalib-nya di-tanah perkuboran masjid itu-lah di-tanamkan jenazah itu). Kemudian di-beri tahu dengan mulut kepada kaum keluarga dan sahabat handai yang damping, kepada yang berhampiran, dengan surat atau talipon taligrap kepada yang berjauhan, bagaimana pun mustahak-lah juga di-beri tahu.

2. Jika waktu mati-nya itu sa-belah petang atau malam, maka biasa-nya waktu mengkebumikan mayat itu di-tetapkan sa-belah tengah hari atau sa-lewat2-nya sa-belah petang esok-nya, akan tetapi jika mati-nya pada lebeh kurang suboh hari atau sa-belah pagi maka ghalib-nya waktu mengkebumikan-nya di-tetapkan pada sa-belah petang itu juga, kerana ada-lah di-tuntut oleh ugama Islam supaya mayat itu di-kebumikan dengan sa-berapa chepat—(pada sisi Islam ada-lah lebeh afdhal di-kebumikan di-dalam tempoh enam jam daripada waktu habis nyawa-nya).

3. Mula2 mayat itu di-angkat daripada tempat ia meninggal dunia (mati) dan di-letakkan di-atas sa-buah gerai atau katil bertilam dan beralas dengan kain chadar yang bersih dan elok, dan di-letak katil atau gerai itu di-tengah2 majlis rumah dan sa-belah atas gerai itu di-pasang langit2 daripada kain bagi menahan atau menyekat sa-barang habok atau kekotoran jatuh ka-atas mayat itu dan di-tutup mayat itu dari kepala litup hingga ka-hujung kaki-nya dengan sa-helai dua kain panjang, dan kedua tangan mayat itu di-kiatkan ka-dada-nya, di-atas kain tutup mayat itu betul di-tengah antara perut dengan dada-nya adalah di-'adatkan sa-bilah kachip pinang di-letak melintang, guna-nya kachip itu, konon, ia-lah sa-bagai ikhtiar untok menegah mayat itu daripada di-langkah oleh hantu atau shaitan! Di-hadapan gerai atau katil mayat itu di-letakkan sa-buah tempat bara atau tempat perasap yang sentiasa berbara api dan di-bakar di-dalam-nya sa-jenis serbok harum apabila di-bakar, yang di-namakan dalam bahasa Melayu "setanggi", atau kalau tidak setanggi maka di-bakar-lah serbok kayu gaharu dan bakaran ini di-adakan sa-terus-nya sa-lagi mayat itu ada di-dalam rumah bahkan ada yang meneruskan bakaran tepak bara dengan gaharu atau setanggi itu tiap2 siang dan malam sa-lama tiga hari.

4. Sementara alat2 kelengkapan mandi, kapin dan keranda mayat itu di-siapkan, yang harus mengambil masa beberapa jam lama-nya, maka barang siapa daripada kaum keluarga dan sahabat handai si-mati itu, yang hendak melihat-nya maka boleh-lah ia masuk melihat-nya dengan menyingkap kain tudong muka mayat itu bergilir2. Mereka melakukan perbuatan

ini dengan cara yang sa-habis chermat dan hormat. 5. Ada-lah di-'adatkan bahawa sa-masa mayat itu masih berada di-dalam rumah hendak-lah ahli2 pelawat yang datang berkumpul berana menziarah di-rumah mayat itu dan juga jiran2 yang di-sakeliling rumah mayat itu jangan membuat hingar bangar dan berbuat2 atas perkara2 dan dengan cakapan2 yang tidak senonoh. Ini ada-lah di-'adatkan oleh 'adat resam Melayu dan di-kehendaki oleh shari'at Islam sa-bagai tanda kehormatan yang sa-yogia di-beri kepada tiap2 mayat. Begitu juga-lah di-kehendaki di-tunjokkan kehormatan kepada mayat itu di-dalam masa dan di-sapanjang jalan mayat itu di-angkat dan di-iringkan ka-kubor-nya. Ada pun yang di-benarkan di-sapanjang masa dan di-sapanjang jalan membawa dan mengiringkan mayat itu ka-kubor-nya ia-lah memba-cha perlahan2 "al-fatibah" sa-bagai hadiah yang hidup kepada roh si-mati itu sahaja.

6. Apabila sampai tempoh-nya mayat itu pun di-angkat dan di-bawa ka-tempat yang di-sediakan bagi di-mandikan oleh tukang mandi perempuan, jika mayat itu perempuan, atau oleh tukang mandi laki2, jika mayat itu laki2. Memandikan mayat itu ada-lah di-lakukan dengan tegtib dan sa-habis bersih lagi chermat. Kemudian daripada selesai di-mandikan mayat itu maka tuboh bodan-nya di-lumur pula sa-rata2-nya dengan dua jenis serbok atau pedar kapor laras dan ebendana dan di-chelah2 pelipat dan lain2 tempat yang mustahak di-taruh keping2 kapas, kemudian baharu-lah di-angkat mayat itu di-bawa pula ka-tengah atau ka-serambi rumah itu bagi di-kapan-kan, ya'ani di-pakaikan baju dan seluar daripada kain putih tiada berjohit dan kemudian di-pakaikan lagi

sa-lapis sa-bagai bungkus atau sarong daripada kain putih dan tiada berjahit juga. Kedua jenis pakaian yang di-pakaikan mayat itu-lah yang di-panggil atau di-namakan *kapan serpet*. Mayat itu di-bungkus dan di-ikat dengan beberapa ikatan dari kaki hingga ka-leber, melainkan di-sabelah bahagian kepala-nya di-biarkan tiada di-ikat bagi sementara kerana pada masa itu ada-lah di-'adatkan di-panggil kaum keluarga si-mati itu yang damping2 kerana menaborkan sa-jempot daripada serbok chendana, yang memang di-sediakan kerana-nya, di-sakeliling kepala mayat itu, sa-bagai isyarat atau tanda 'amalan kebajikan yang akhir ka-pada yang mati itu. Sa-telah sekerai daripada 'adat atoran menabor chendana itu maka baharu-lah kepala mayat itu di-bungkus dan di-ikat; kemudian di-masokkan-lah mayat itu ka-dalam sa-buah peti yang di-panggil atau di-namakan 'keranda' yang di-perbuat daripada kayu yang ringan. Di-sabelah bawah keranda itu sa-bagai lantai-nya di-regang tutup dengan sa-bidang kain putih yang di-lekatkan pada sa-panjang tepi sa-keliling papan keranda itu dengan pin2 lekap. Sa-telah itu maka keranda itu pun di-angkat dan di-letakkan di-atas usongan dan di-tutup keranda itu dengan beberapa lapis kain2 panjang yang elok2, dan kain lapisan atas sa-kali, biasa-nya, daripada kain yang bertekak atau bertulis dengan ayat2 Qur'an ul-'Azim, kemudian baharu-lah di-pikul dan di-usong oleh orang2 ramai dengan bergilir2 dan berjalan perlahan2 di-bawa ka-masjid yang berhampiran dengan tanah perkuboran-nya bagi di-sembahyangkan, jika mayat itu tidak di-sembahyangkan di-rumah-nya, sa-perti yang banyak juga daripada orang2 Melayu kita melakukan-nya. Bila tiba di-masjid maka di-turun-

kan-lah keranda itu daripada usongan-nya lalu di-bawa masuk ka-dalam masjid dan di-letakkan berhadapan dengan mihrab masjid itu dan kemudian tampil-lah sakalian haji2, lebai2 dan yang lain2 di-antara yang mengiringkan mayat itu menyembahyangkan mayat itu. Sa-habis sembahyang mayat, maka biasa-nya di-edarkan sedekah atas kadar kapada mereka yang menyembahyangkan mayat itu.

7. Kemudian daripada telah selesai di-sembahyangkan maka keranda mayat itu pun di-pikul oleh beberapa orang, di-bawa ka-kubor yang telah sedia digali dan mayat dengan keranda-nya itu pun di-masukkan ka-dalam kubor itu. Sa-belum di-timbus kubor itu, maka biasa-nya, siak masjid atau sa-siapa yang lain, turun ka-dalam kubor membuka papan tutup keranda itu dan mengerengkan mayat itu serta di-bukanya ikat2 kapan-nya dan di-sendal-nya mayat itu dengan kepal2 tanah yang kebanyakan-nya di-kepal oleh keluarga si-mati itu, dan sa-telah di-bangkan di-telinga mayat itu oleh siak maka baharu-lah di-tutup keranda dan kubor itu di-timbus dengan tanah-nya.

Sa-telah selesai kubor itu di-timbus maka di-chachakkan sa-batang ranting pohon sa-bagai tanda untuk menyachakkan batu nesan-nya kemudian kelak—(ada juga yang sudah sedia membawa dua batang batu nesan bagi di-chachakkan di-masa itu juga). Bila siap sahaja kubor itu maka tampil-lah sa-orang haji, imam atau orang 'alim di-tepi kubor itu di-mana telah di-bentang sa-bidang tikar sila atau tikar kechil yang terkadang2 bersarong dengan kain sutera, atau baldu atau kain benang, mengikut kemampuan tetangga yang berdukachita itu, dan di-tepi kubor itu ada pula sa-talam bunga rampai atau berbagai2 bunga changa

dan sa-biji dua balang atau geletar ayer chendana. Di-atas tikar sila itu-lah dudok tuan haji, lebai atau tuan 'alim kerana membacha talkin bagi si-mati itu dan bertahlil serta membacha do'a. Ada juga dahulu di-'adatkan ia-itu orang yang membacha talkin itu di-payongkan sa-masa dia membacha-nya, walau pun hari tidak hujan atau chahaya matahari pun tidak memanchar ka-atas-nya.

Sa-telah selesai talkin dan tahlil di-bacha dan do'a di-aminkan oleh sakalian pengiring2 mayat yang masah menunggu di-tempat perkuboran itu maka ayer yang di-dalam kedua2 balang itu pun di-siramkan ka-atas kubor itu dari pehak kepala sampai ka-pehak kaki-nya sa-hingga habis, dan kemudian bunga yang di-dalam talam itu pun di-taborkan di-sarata atas kubor itu. Dengan yang demikian selesai-lah 'adat mengkebumikan mayat itu dan sakalian yang hadir di-tempat perkuboran itu pun bersurai-lah balek sa-telah bertemu dan bersalaman dengan bapa atau warith si-mati itu. Akan to' 'alim, to' imam atau to' lebai, pembacha talkin itu sa-lain daripada di-beri bayaran wang sa-banyak lebeh kurang dari dua sampai lima ringgit, ada-lah juga di-hadihkan tikar sila tempat dia dudok membacha talkin itu dan balang ayer yang telah di-kosongkan itu dan juga sa-tengah pada sa-tengah-nya menghadihkan juga kapada-nya payong yang memayongkan dia waktu dia membacha talkin tadi.

8. Dari zaman-berzaman hingga ka-masa sekarang ini telah di-jadikan 'adat resam Melayu mengadakan kenduri argyah, konon, pada hari2 ketiga, ketujuh, keempat belas, keempat puluh dan kesaratus kemudian

daripada hari mati itu dan tiap2 tahun pula ada yang mengadakan kenduri haul arwah konon.

Demikian-lah lebih kurang dan dengan sa-chara ringkas yang dapat kita tuliskan atas kadar pengetahuan yang ada pada kita di-dalam perkara2 'adat resam orang2 Melayu kita yang di-jalankan di-dalam Riau Lingga dahulu dan di-dalam Semenanjung Tanah Melayu sekarang dengan sa-banyak sedikit perubahan dan tokok tambah di-dalam menjalankannya pada masing2 negeri, mengikut kehendak pergaulan negerinya—**Allahu-A'alam bissawab.**

BAHAGIAN
KEDUA

'ADAT ISTI'ADAT DIRAJA MELAYU

*Peratoran-nya di-ambil daripada
Sejarah dan Siaran Raja2 Melayu
dan Bugis, pehak Riau, Johor,
Pahang dan Selangor.*

Sa-bermula ada-lah yang berikut ini 'Adat Isti-
'adat Raja2 Melayu dan Bugis, turun-temurun dari-
pada zaman Sultan Iskandar Shah Dzu'l-Karnain,
yang memerintah segala manusia hingga ka-zaman
Sultan Iskandar Shah, ia-itu-lah raja yang mula ma-
sok dan membuka negeri Melaka, yang bergelar
Muhammad Shah Zalla'llah Fil-'Alam dan dia-lah
yang mula2 memelok ugama Islam dan meletakkan
'adat perintah sakalian raja2 dan sakalian menteri2
dengan sakalian orang2 besar-nya dan meletakkan
hukuman dan perintah negeri lalu turun kepada bagin-
da Sultan Muzaffar Shah, kemudian turun kepada
baginda Sultan Mansur Shah, kemudian kepada pute-
ra baginda Sultan 'Alau'odin Ri'ayah Shah dan ke-
mudian turun pula kepada putera-nya Sultan Mahmud
Shah dan ia-lah yang empunya hukum 'adat isti'adat
pemerintahan hingga kepada zaman sekarang ini.

Shahadan pada zaman Sultan Sulaiman Badrul-
'Alam Shah pada tahun Hijrah 1130 maka terator-lah
pula tatkala itu 'adat isti'adat di-antara Yang Di-
Pertuan Besar dan Yang Di-Pertuan Muda, Bendaha-
ra dan Temenggong, kerana pada masa itu-lah baharu
ada Yang Di-Pertuan Muda. Maka di-himpunkan-lah
'adat serta kanun ini di-dalam beberapa fasal supaya

di-ketahui dan di-perpegangi oleh isi negeri bagaimana perbedzaan raja dengan menteri, menteri dengan orang banyak dan perbedzaan orang banyak dengan hamba raja, hamba raja dengan orang luar, orang luar dengan orang dagang dan perbedzaan orang dagang dengan orang negeri ada-nya.

I

1. 'ADAT ISTI'ADAT BAHASA RAJA.

Perbahasaan khas kapada raja ia-lah:

- (a) titah,—hanya kapada raja yang memerintah.
- (b) sabda,
- (c) patek,*
- (d) murka,—hanya kapada raja yang memerintah.
- (e) kurnia,
- (f) anugerah,
- (g) santap,
- (h) beradu,
- (i) sila,—terpakai di-Johor sekarang, manakala 'jemput' pada lain daripada raja.
- (j) gering,
- (k) mangkat,
- (l) semayam,

* Di-negeri2 Johor dan Terengganu dan sa-tengah pada sa-tengah-nya di-Kelantan ada pun perbahasaan 'patek' itu di-tujukan khas kapada raja yang memerintah dan anak2 chuchunya yang berhak kapada takhta kerajaannya, manakala perbahasaan kapada anak raja yang lain2 di-ganti dengan perbahasaan 'hamba tegek' atau 'hamba cagak'. Dan lagi lagitu juga di-Johor tiada lagi di-gunakan perbahasaan 'hamba doto', tetapi di-gunakan 'nyai' sahaja sa-bagai ganti-nya. Bagitu juga di-Johor perbahasaan 'sila', 'persila' atau 'silahan' itu di-gunakan hanya kapada raja dan syed sahaja, manakala kapada yang lain2 di-gunakan 'jemput' 'jemputkan' atau 'jemput-lah'.

(m) bersiram,

(n) pachal.

Maka tiada boleh segala kata2 perbahasaan di atas itu di-gunakan kapada orang kebanyakan—jika di-gunakan pada hamba raja maka hukum-nya adalah di-gochoh yang menggunakan-nya itu.

2. 'ADAT ISTI'ADAT PAKAIAN (TEGAHAN).

Maka telah di-tetapkan di-dalam 'adat isti'adat diraja Melayu dari zaman dahulu kala bahawa:—

- (a) Tiada harus orang2 kebanyakan memakai sa-barang pakaian daripada yang berwarna kuning atau kekuning2an, walau mereka itu orang besar2 sa-kali pun, melainkan jika di-anugerah atau di-idzinkan oleh raja memakainya, dan barang siapa yang menyalahinya harus di-hukum.
- (b) Tiada boleh mereka memakai pakaian yang nipis hingga berbayang nampak rupa kulit badan, seperti memakai baju daripada kain kasa atau yang sa-umpama-nya, *pada masa mereka di-balai-rong atau di-majlis2 diraja*, melainkan dengan titah atau kurnia raja. Akan tetapi pada tempat2 sa-lain daripada di-balai raja, di-istana raja atau di-majlis2 diraja tiada tertegah daripada memakainya.
- (c) Ada-lah di-tegah orang2 keluaran (orang2 bukan raja) memakai keris berhulukan harubi emas berat sa-bungkal. Ada pun yang di-benarkan memakainya hanya-lah sakalian anak chuchu raja dan sakalian anak2 chuchu bendahara dan temenggong. Ada pun hukuman atas yang menyalahinya ia-lah di-rampas keris itu.

3. 'ADAT ISTI'ADAT MENGADAP RAJA.

(a) Pada masa mengadap di-balai-rong atau di-lain2 tempat maka hendak-lah sembah itu di-halakan hanya:—

- (i) Kapada Yang Di-Pertuan Besar atau Sultan sahaja, jika di-dalam majlis itu baginda ada bersemayam berserta dengan Yang Di-Pertuan Muda atau Putera Mahkota.
- (ii) Kapada Yang Di-Pertuan Muda atau Putera Mahkota sahaja, jika di-dalam majlis itu ada hadir bersemayam Yang Di-Pertuan Muda atau Putera Mahkota bersama dengan Bendahara.
- (iii) Kapada Dato' Bendahara sahaja, jika yang ada hadir bersemayam di-dalam majlis itu Dato' Bendahara dan Dato' Temenggong.
- (iv) Jika Dato' Temenggong sahaja yang ada hadir bersemayam di-dalam majlis itu maka kapada Dato' Temenggong sahaja-lah sembah itu di-halakan.

(b) Adap dan Tertib Menyembah:

- (i) Menyembah Yang Di-Pertuan Besar atau Sultan hendak-lah dengan menyusun jari sepuluh dan mengangkat akan kedua belah tangan hingga kedua hujung ibu jari tangan itu jejak di-dahi, di-antara dua kening. Menyembah raja kerana memohon diri hendak keluar meninggalkan dia, menurut 'adat isti'adat diraja Melayu, yang betul tiada boleh terus berpaling membelakangkan raja itu sa-sudah ia menyembah, tetapi hendak-lah sa-sudah menyembah itu ia bangun undor tiga tapak ka-belakang, kemudian berteleku

duduk menyembah sa-kali lagi, sa-sudah itu bangun dan undor periahan? lagi tiga tapak baharu-lah berpaling keluar meninggalkan majlis itu.

- (ii) Menyembah Yang Di-Pertuan Muda, Raja Muda atau Putera Mahkota; hendak-lah jari sa-puluh yang di-susun itu di-angkat hingga hujung ibu jari itu jejak di-hujung hidong, dan,
- (iii) Bendahara atau Temenggong hendak-lah di-sembah dengan menyusun jari sa-puluh dan di-angkat hujung ibu jari jejak di-bawah dagu.

Peringatan:

Sa-yogia di-ingat bahawa mengikut 'adat isti'adat diraja dahulu kala menyembah itu hanya di-lakukan sambil duduk atau dudok bertelekukan lutut sa-belah kanan dan kaki kiri di-jelepakkan. Sa-kali? tidak pernah di-lakukan menyembah itu sambil berdiri, apa-tah lagi sambil berjalan.

- (c) Adab Bertutor Kepada atau Di-hadapan Raja.

Ada pun adab tertib bertutor kata kepada raja atau di-hadapan raja yang memerintah maka sa-sorang hamba ra'ayat-nya, biar bagaimana sa-kali pun tinggi pangkat-nya atau gagah perkasa atau pendekar keadaan-nya tiada sa-kali? boleh ia berkata? dengan suara keras atau deras, apa-tah lagi dengan menjerit, memekak atau menengking, atau pun dengan kelakuan, gaya atau rupa bengis, kerana yang demikian ada-lah me-

nyalahi 'adat isti'adat diraja Melayu dan dihitungkan sa-bagai perbuatan biadab. Yang di-kehendaki ia-lah bagi tiap2 sa-orang yang bertutor kata kapada atau di-hadapan raja itu, hendak-lah dengan suara yang lemah lembut dan kelaku^{an} yang sopan sa-bagai tanda adab tertib-nya menghormati raja-nya.

4. 'ADAT ISTI'ADAT ISTANA, BALAI, dan PAGAR KOTA RAJA.

Orang keluaran atau orang2 kebanyakan ada-lah tertegah oleh 'adat isti'adat diraja daripada mengikut atau meniru bentok binaan beberapa perkara sa-perti yang tersebut di-bawah ini:—

- (a) Balai-rong,
- (b) Sayap-layang,
- (c) Pintu Gerbang,
- (d) Tingkap Panjang, yang di-atas pintu salak (Sorongan masok pintu khas),
- (e) Perbalaian, Rembah, Geta dan penanggah, yang mengantari dengan pelantar,
- (f) Perselasaran (serambi) dua tingkat.

Semua yang tersebut di-atas ini hanya boleh diikut atau di-tiru perbinaan-nya dengan kurnia raja jua ada-nya.

5. 'ADAT ISTI'ADAT MASOK KA-DALAM BALAI atau PAGAR KOTA RAJA.

Bila sa-saorang hendak masok ka-Balai atau ka-dalam kawasan pagar Kota Raja maka hendak-lah keadaan-nya chukup sempurna dengan pakaian yang di-pakai di-badan-nya—tidak boleh sa-tengah di-pakai-nya, sa-tengah di-bembet di-tangan-nya atau sa-

tengah di-sangkut di-bahu-nya atau di-lengan-nya, sama ada pakaian itu baju, sapu tangan, songkok atau lain-nya, kechuali yang tidak memakai-nya kerana sa-benar² miskin lagi papa.

6. 'ADAT ISTI'ADAT RAJA BERJALAN.

Ada pun Yang Di-Pertuan Besar atau Sultan bila berangkat berjalan di-jalan² raya ghalib-nya, mengikut 'adat Melayu dahulu kala, ada sa-orang membawa lembing berjalan dahulu di-hadapan raja itu kira² sa-jauh sa-puluh dua belas depa, dengan lain² pengiring baginda berjalan di-belakang baginda. Apabila sa-saorang yang berjalan di-jalan itu jika bertemu sahaja dengan lembing yang di-bawa orang itu maka hendak-lah dengan serta-merta itu juga dia berhenti dan dudok, sa-hingga angkatan raja-nya itu lepas ba-haru-lah boleh ia bangun meneruskan perjalanannya. Barang siapa yang tiada dudok maka salah-lah ia, pada hukum, kechuali orang itu daripada orang da-gang yang belum mengetahui lagi akan 'adat isti'adat itu, yang demikian ada-lah dia itu di-ampuni dan di-beri tahu 'adat itu kepada-nya.

7. 'ADAT ISTI'ADAT BERJALAN DI-JALAN² RAYA.

Barang siapa daripada orang laki² yang terjumpa di-tengah² jalan dengan mereka yang tersebut di-bawah ini sedang berjalan maka hendak-lah ia menyimpang, sa-kali pun dia itu anak raja atau orang besar, ia-itu:—

- (i) Sultan atau Yang Di-Pertuan Besar,
- (ii) Yang Di-Pertuan Muda,
- (iii) Bendahara,
- (iv) Temenggong.

- (v) Tengku Besar,
- (vi) Perempuan2, yang berjalan kerana ziarah ka-sana ka-mari, baik mereka daripada isteri orang atau bukan,
- (vii) Orang membawa mayat,
- (viii) Orang mengarak pengantin, yang di-katakan 'Raja Sa-hari' itu,
- (ix) Orang memikul bebanan berat, sama ada dengan perjawatan atau tidak,
- (x) Orang buta,
- (xi) Kanak2,
- (xii) Orang gila.

8. 'ADAT PERATORAN BAGI PENGHULU ISTANA.

Barang sa-siapa yang menyandang jawatan ini maka hendak-lah mempelajari dan memperamat2i akan peratoran yang berkenaan-nya supaya tiada sukar atau kekok bagi-nya menjalankan pekerjaan-nya itu. Di-bawah ini di-nyatakan dengan ringkas apa dia kewajipan-nya itu:—

- (a) Penghulu Istana itu hendak-lah menentukan kedudukan anak2 raja di-majlis2 Istana. Anak2 raja ada-lah di-dudokkan di-perbalaian pada kiri kanan Singgahsana dengan tertib anak raja2 yang bergelar di-sabelah atas daripada yang tidak bergelar, dan mana2 yang tua pangkat-nya di-atas pangkat yang muda.
- (b) Isteri Sultan hendak-lah di-dudokkan di-atas sa-kali dan di-beri satu jurong emas atau perak.
- (c) Gundek2 dan anak2 raja hendak-lah di-dudokkan di-kiri kanan, tela (anak-rumah bagi

Istana tempat khas bagi perempuan2 Istana) dengan sa-rupa tertib atoran kedudukan mereka saperti tertib kedudukan anak2 raja itu juga, ia-itu yang tertua pangkat-nya di-atas daripada pangkat yang muda.

- (d) Isteri Dato'2 serta anak2 buah-nya dan anak baik2 hendak-lah di-dudokkan di-sabelah kiri tela dengan tertib atoran-nya sama jua saperti atoran pada anak raja2 yang tersebut di-atas.
- (e) Hamba2 raja di-dudokkan pada tengah2 tela, bersebelahan dengan perempuan2 Bugis.
- (f) Orang kebanyakan serta hamba orang baik2 di-dudokkan di-serambi Istana.
- (g) Jika ada yang menyalahi 'adat dan tertib atoran-nya maka hendak-lah penghulu Istana memanggil yang salah itu kepada suatu tempat yang sunyi bagi di-beri nasihat dan per-tunjuk dengan bahasa dan pekerti yang lemah lembut—jangan dengan keras atau kasar yang sa-kira2 boleh menjatuhkan ayer muka yang salah itu.
- (h) Apabila sahaja sampai dhaif2 maka hendak-lah Penghulu Istana serta penolong2-nya menyambut dan mempersilakan atau menjemput mereka naik dan hendak-lah di-dudokkan masing2 pada tempat mengikut yang layak bagi-nya.
- (i) Jika ada di-antara dhaif2 itu yang menyatak-an ke'udzoran-nya maka hendak-lah di-terima ke'udzoran-nya itu, dan kira-nya ada pada bila2 masa pun sa-siapa di-antara mereka itu yang berkeadaan 'udzor besar, saperti

hendak kadha hajat (buang ayer besar) atau yang sa-umpama-nya maka hendak-lah segera di-tunjokkan tempat-nya, dan jika berlaku pitam atau pening atau sa-barang kesakitan maka hendak-lah segera di-tunjokkan atau di-bawa ka-tempat yang sa-patut-nya.

- (j) Penghulu Istana itu ada-lah di-kehendaki tiap2 hari memereksa segala jawatan2 yang di-pakai supaya jika berlaku sa-barang kekurangan boleh-lah segera ia mema'alumkan hal-nya kapada penguasa yang memerintah hal ahwal di-dalam Istana itu bagi di-ada atau di-perbetulkan-nya.
- (k) Jika ada sa-siapa memerintah atau melakukan sa-barang perbuatan yang tiada patut di-dalam Istana dengan membawa hujjah2 atas 'adat isti'adat maka hendak-lah jangan di-layan oleh Penghulu Istana itu, maka kira-nya orang itu berkeras hendak mengubah atau membantah atoran yang di-ator dan di-tetapkan itu maka hendak-lah Penghulu Istana itu mengadukan hal itu kapada Penguasa Istana supaya, jika thabit salah-nya, boleh ia di-hukum kerana kesalahan dan kechabulan-nya itu.
- (l) Sa-belum mengangkat hidangan jamuan maka hendak-lah Penghulu Istana itu terlebih dahulu memereksa dan menghitung jumlah bilangan dhaif2 yang ada di-dalam majlis itu supaya dapat di-ketahui-nya berapa bilangan hidangan2 yang di-angkat dan di-peredarkan dengan kiraan empat atau lima orang pada sa-hidang. Barang berapa jua

pun bilangan hidangan yang menchukupi dan di-kehendaki maka sa-banyak boleh di-surohnya beri tahu ketua atau Penghulu pengangkat hidang supaya di-angkat sa-banyak yang di-kehendaki itu sahaja supaya dengan yang demikian tidak menyebabkan sa-barang kachau-bilau dalam usaha angkat-mengangkat di-dalam majlis itu.

- (m) Bagi tiap2 pekerjaan atau jawatan yang belum di-ketahui atau tiada di-tetapkan pada 'adat isti'adat di-dalam Istana itu maka hendaklah terlebih dahulu Penghulu Istana itu mohon atau minta bertanya daripada Penguasa Istana itu dan apabila telah di-dapati ketentuan atas-nya maka baharu-lah boleh di-jalankannya.

9. 'ADAT ISTI'ADAT PENGHULU BALAI-RONG SERI.

Peratoran2 'adat isti'adat di-Balai-rong Seri seperti yang tersebut di-bawah ini hendaklah di-ketahui dan di-amat2i oleh Penghulu Balai-rong ia-itu:—

- I. Ada pun tempat kedudukan bagi sakalian anak raja2 ia-lah di-Seri Balai (kepala balai atau bahagian sa-belah atas) dan tertib atoran dudok-nya ia-lah: di-atas sa-kali anak raja2 yang berpangkat di-dalam negeri di-bawah mereka anak raja2 yang berpangkat di-pem^unggir negeri, di-bawah mereka pula anak raja2 yang bergelar ayahanda mereka, kemudian anak raja2 negeri, di-bawah mereka anak raja2 pem^unggir negeri—di-kechua-likan akan raja yang tua2 'umor-nya, kerana

memuliakan tua-nya maka tiada-lah 'adat bagi-nya melainkan yang berpatutan sahaja.

- II. Ada pun tempat kedudukan orang baik² dan anak² mereka ia-lah di-peseghan balai sa-belah kanan naik dan tertib atoran dudok-nya adalah sa-rupa seperti tertib dudok anak raja² itu juga.
- III. Ada pun bagi sakalian haji² dan lebai² kedudukan mereka ia-lah di-peseban balai sa-belah kiri naik dan tertib atoran dudok-nya seperti di-atas itu juga.
- IV. Jika mereka yang hendak di-dudokkan itu bersamaan pangkat-nya maka tertib-nya hendak-lah di-dahulukan yang lebeh tua 'umornya daripada yang muda.
- V. Ada pun anak raja² yang berpangkat besar di-dalam negeri, mana² yang patut, boleh di-beri sa-orang satu jurong emas atau perak, ia-itu umpama-nya, bakal bendahara dan bakal temenggong dan yang sa-umpama-nya, seperti yang mana² patut sa-hidangan dengan Yang Di-Pertuan Muda atau Putera Mahkota.
- VI. Ada pun dato'² yang di-dalam negeri, seperti laksamana dan shahbandar maka boleh jua di-beri mereka satu pahar atau semberib hidangan.
- VII. Tuan Imam negeri boleh jua di-beri satu pahar atau semberib hidangan, dan pada hari membacha maulud hendak-lah tuan Imam itu di-jemput dudok di-hujung Seri Balai bersama² dengan orang² 'alim kerana memulakan bacaan maulud dan do'a dan jika

ada lapang maka boleh-lah juga di-biarkan dia duduk terus di-situ bersama2 dengan dato'2 negeri dan orang2 'alim.

- VIII. Apabila telah selesai makan minum pada malam-nya maka boleh-lah di-minta anak2 raja dan anak2 merdeka, mana2 yang patut dan suka, supaya bermain2 di-Balai itu supaya tidak sunyi keadaan di-dalam Balai itu, dan hendak-lah di-perentahkan orang2 pengangkat menunggu dan berjaga2 dengan bergilir2 jika lama masa-nya peredaran majlis Balai-rong itu.
- IX. Di-dalam antara mereka yang duduk di-dalam majlis di-Balai-rong itu jika ada yang hendak meminta kembali ka-rumah-nya atau hendak pergi ka-mana2, sa-telah nyata ke'udzorannya maka hendak-lah dia meminta idzin Penghulu Balai itu dan di-idzinkan oleh-nya.
- X. Sa-belum hidangan jamuan di-angkat maka hendak-lah Penghulu Balai itu meminta supaya sakabian dhaif2 di-dalam Balai itu semuanya duduk siang2 di-tempat masing2, kechuali anak2 raja yang tua2 dan berpangkat tinggi, mereka tidak di-berati atau dikuati berbuat demikian kerana menghormati akan 'umor dan pangkat mereka.
- XI. Ada pun yang di-bebaskan keluar masuk di-kota Istana dan dalam Balai-rong kerana menchari atau mendapatkan apa2 yang kekurangan ia-lah ketua pengangkat hidangan dan ketua pengangkat hidang itu boleh me-

milih dua orang atau lebih menyertai dan membantu dia dan Penghulu Balai itu.

XII. Ada pun tertib peratoran mengangkat hidangan di-Majlis Diraja ia-lah:—

- (a) Hidangan2 di-Seri Balai ada-lah di-angkat dahulu, sa-telah itu baharu-lah,
- (b) angkat hidangan2 di-peseban kanan, dan bila sahaja hidangan di-peseban kanan itu mulai di-angkat maka di-buka-lah hidangan2 di-Seri Balai lalu sakalian-nya santap,
- (c) angkat pula hidangan2 di-peseban kiri dan bila sahaja hidangan di-peseban kiri mulai di-angkat maka di-buka-lah hidangan di-peseban kanan lalu makan-lah dato'2 dan orang baik2 serta anak2 merdeka dan kemudian,
- (d) sa-telah selesai sahaja hidangan di-peseban kiri di-angkat maka di-buka-lah hidangan2 itu dan makan-lah sakalian haji2, lebai2 dan lain2 dhaif2 di-situ,
- (e) ada pun adab bagi pengangkat2 hidangan bila meletak atau mengangkat kembali hidangan itu ketika di-Seri Balai hendak-lah di-lakukan-nya dengan keadaan-nya mengadap hala kepada barang siapa yang terlebih tinggi sa-kali pangkat-nya, yang ada bersemayam di-Seri Balai itu,
- (f) pengangkat2 hidangan di-peseban kanan dan peseban kiri sa-waktu meletak atau

mengangkat balek hidangan2 di-situ hendak-lah mengadap ka-hala Seri Balai, walau pun ada di-dalam peseban2 itu orang yang berpangkat sa-bagaimana tinggi-nya sa-kali pun, kerana memulihkan Seri Balai itu sa-bagai tempat persemayaman raja.

Sa-yogia hendak-nya bagi Penghulu Balai-rong dan Penghulu Istana itu memperamat2i akan orang2 yang naik ka-Balai-rong atau masok ka-dalam Istana, kalau2 ada yang menyalahi kedudukan atau/dan pakaian masing2. Jika ada di-dapati yang demikian maka hendak-lah di-tegor dan di-betulkan dengan bahasa yang lemah lembut dan pekerti yang sopan santun supaya dengan suka hati mereka menerima-nya dan dengan mudah mereka hendak menukar-nya oleh kerana menghormati majlis diraja yang amat besar itu. Dan bagi sa-sorang yang di-dapati menyalahi pada pakaian atau kelakuan maka hendak-lah Penghulu Istana atau penolong-nya itu memanggil dia ka-tempat yang sunyi dan khabarkan kapada-nya akan kesalahan itu dengan perbahaasan yang halus, yang sa-kira2 tidak memalu atau menjatuhkan ayer muka-nya. Akan tetapi jika ada yang ingkar juga sa-sudah tiga kali berturut2 di-tegor dan di-nasihatkan maka harus-lah di'aib akan dia dengan di-hinchit dia keluar daripada majlis yang amat di-muliakan itu.

XIII. Ada pun nakhoda2 dagang dan hamba2 orang dan orang2 yang bukan bangsawan tiada-lah di-sebutkan 'adat-nya di-sini dan tiada-lah dapat di-tentukan tempat kadudukan-nya, me-

lainkan jika Balai itu ada berserambi maka di-serambi itu-lah di-dudokkan mereka itu.

- XIV. Jika ada berbangkit sa-suatu perkara atau hal di-dalam mas'alah ini, yang tersamar dan tiada di-sebutkan di-sini maka hendaklah di-minta keterangan dan nasihat atasnya, daripada Dato' Isti'adat negeri itu adanya.

10. 'ADAT ISTI'ADAT SUDUN


(SA-HIDANGAN) DI-BALAI-RONG.

- (a) Ada pun yang boleh dudok sa-hidangan ia-lah Yang Di-Pertuan Muda dan/atau Putera Mahkota dengan Bendahara—lain2 anak2 raja tiada boleh sa-hidangan dengan mereka ketika di-Balai-rong melainkan dengan titah atau kurnia Yang Di-Pertuan Besar atau Sultan. Akan tetapi sa-yogia di-ingat bahawa 'adat ini tiada di-mestikan pada tempat2 jamuan yang lain2 daripada yang di-Balai-rong.
- (b) Ada pun anak2 Yang Di-Pertuan Muda atau/ dan Putera Mahkota dan Bendahara dan Temenggong boleh sa-hidangan sa-tengah pada sa-tengah-nya di-antara sa-sama mereka—tiada di-tentukan 'adat bagi mereka di-Balai-rong, apa-tah lagi di-tempat yang lain2.

Hanya dua Kekechualian sahaja ia-itu:—

- (a) Anak2 raja yang tua2 'umor-nya, tiada dikenakan pada mereka 'adat isti'adat.

- (b) Anak2 raja yang kechil2 sangat 'umor mereka juga tiada di-kenakan 'adat isti'adat melainkan jika di-kehendaki di-jalankan ka-atas mereka hanya dengan tujuan hendak melateh mereka.



"TETAMPAN"
(WAKSI KUNING)
di selatpui di lulu kiri

itu sedang di-palu di-luar Kota maka salah-lah dia dan boleh di-hukum.

Kedua :

Jika sa-masa sa-saorang itu sedang berjalan di-perdalaman (di-sabelah dalam Kota Raja) tiba2 terdengar ia bunyi tiupan nafiri maka hendak-lah dengan serta-merta itu juga ia dudok dan tundok, saperti laku ia mengadap raja-nya. Apabila lepas tiga kali berbunyi tiupan nafiri itu maka berbunyi pula 'guroh' atau ragam nobat itu dan bila telah habis bunyi ragam nobat itu baharu-lah boleh ia mengangkat kepala-nya dan dudok tegak tetapi belum boleh lagi ia berdiri atau beraleh tempat ka-hadapan atau ka-belakang sehingga lepas tiga kali bunyi ragam nobat itu. Barang siapa yang melanggar atoran ini maka salah-lah dia dan boleh di-hukum oleh penghulu nobat itu dengan denda sa-banyak enam suku duit (\$1.50).

Ketiga :

Ada pun yang boleh di-tiupkan nafiri, ertinya di-nobatkan, hanya-lah empat orang sahaja, ia-itu:—

- (i) Yang Di-Pertuan Besar (Sultan),
- (ii) Yang Di-Pertuan Muda,
- (iii) Bendahara, dan
- (iv) Temenggong.

Sa-lain daripada yang tersebut di-atas itu sa-kali2 tiada sa-orang pun boleh di-nobatkan, melainkan dengan kurnia khas daripada Yang Di-Pertuan Besar, dan

- (a) tiupan nafiri atau paluan nobat kerana Yang Di-Pertuan Besar ada-lah sa-lama nobat itu di-bunyikan sa-hingga genap 32 kali nafiri itu di-tiup.
- (b) tiupan nafiri atau paluan nobat kerana Yang Di-Pertuan Muda sa-lama tiada kurang daripada sa-belas kali tiupan nafiri itu,
- (c) tiupan bagi Bendahara sa-lama sembilan kali tiupan nafiri, dan,
- (d) tiupan kerana Temenggong sa-lama tujuh kali tiupan nafiri.

Keempat :

Di-dalam perkara2 yang tersebut di-atas itu maka sa-yogia-lah di-ingat bahawa nobat itu tiada boleh siapa2 pun membuat-nya melainkan dengan titah perintah khas daripada Yang Di-Pertuan Besar sa-orang sahaja, kerana nobat itu pada sisi 'adat isti'adat diraja Melayu, ia-lah ehogan kerajaan, ya'ani yang menandakan ada raja di-dalam negeri itu. Hatta Yang Di-Pertuan Muda pun tiada boleh membuat nobat itu dengan sendiri-nya jika tidak dengan di-titah perentahkan oleh Yang Di-Pertuan Besar, kechuali jika Yang Di-Pertuan Muda membuat-nya itu kerana menyediakan untok penggunaan menabalkan Yang Di-Pertuan Besar, begitu pun yang boleh di-perbuat-nya hanya-lah gendang dengan nengkara dan serunai sahaja. Nafiri sa-kali2 tiada boleh di-perbuat-nya melainkan jika nafiri yang ada itu telah rosak maka

baharu-lah boleh di-perbaiki atau di-ganti-nya.

Kelima :

Ada pun atoran lagu nobat itu ia-lah:—

- (i) Lagu "Iskandar Shah Dzu'l-Karnain"—ini-lah yang di-katakan orang kebanyakan lagu "Ria", yang di-iringi dengan lagu "Perang". Ada pun masa dan tempat-nya lagu ini di-palu ia-lah ketika raja berarak atau berangkat ka-Balai-rong, dan
- (ii) Lagu "Ibrahim Khalilu'llah", ia-itu-lah lagu yang di-palu masa raja di-tabalkan dan masa isti'adat Menjunjong Duli.
- (iii) Ada pun lagu2 sa-lain daripada dua lagu2 yang tersebut di-atas ada-lah ke-semua-nya lagu2 baharu belaka di-ambil daripada Perak dan Inderagiri dengan berbagai2 nama-nya, yang tiada dengan khas-nya di-sebutkan di-sini kerana dengan lagu2 itu tiada jadi kebesaran bagi raja, sa-kadarkan jadi tambahan atau membanyakkan ragam nobat sahaja.

Keenam :

Adab orang2 yang memalu nobat dan waktu2 memalu-nya ada-lah saperti berikut:—

1. Tiap2 petang nobat itu di-palu sa-hingga sampai waktu maghrib. Ada pun atoran-nya ia-lah saperti berikut:—pada waktu hendak memalu-nya hendak-lah penghulu gendang, yang di-gelar dengan nama 'Leila Sengguna' itu terlebih da-

hulu memberi tahu dengan gendang-nya kepada sakalian ahli2 nobat itu dengan memalu semboyan-nya seperti orang mendamak, kemudian berhenti sa-ketika. Bila telah sampai jangka-nya nobat itu akan di-palu maka baharu-lah sakalian ahli2 nobat itu berdiri bersaf2. Pada saf *pertama* berdiri *Leila Perkasa* (gelaran Penghulu nobat) yang tertentu kuasa-nya meniup nafiri; pada saf *kedua* dua orang pemukul nengkara; pada saf *ketiga* pemukul gendang nobat, sa-belah kanan gendang peningkah, yang dipegang oleh penghulu gendang 'Leila Sengguna'; pada saf *keempat* peniup serunai dan bangsi, dan pada saf *kelima* pemukul kopak dan cherachap. Apabila telah lengkap peratoran seperti yang tersebut di-atas itu maka baharu-lah berbunyi nafiri tiga kali kemudian baharu damak nengkara berbunyi tiga kali kemudian berbunyi-lah gendang menyambut bunyi damak nengkara itu; sa-telah itu baharu-lah menderu bunyi guroh-nya sa-kali dan kemudian terus-lah beragam nobat itu di-palu. Ada pun lama-nya nobat itu di-palu ia-lah sa-lama tiga puluh dua kali tiupan nafiri-nya. Sa-telah itu baharu-lah pada penghabisan-nya di-pukul gendang perang sa-bagai penutup.

2. Malam Juma'at, waktu 'isha, di-palu nobat itu dengan sa-barang lagu, kechuali

lagu suboh tiada sa-kali2 boleh di-mainkan pada waktu2 sa-lain daripada waktu suboh.

3. Ada pun lagu "Ibrahim Khalil" dikehendaki di-palu pada masa talabah (Menjunjong duli) dan lagu "Iskandar Shah" atau dengan lain nama lagu "Arak-Arak" itu di-palu waktu raja berangkat.
4. Sa-lain daripada dua lagu yang terutama sa-kali itu, lagu 'Palu-palu' itu di-pukul ketika raja bersiram tabal dan lagu 'Seri Istana' di-palu pada masa raja memakai pakaian Kerajaan.
5. Ada pun peratoran memalu nobat masa raja hendak bersiram tabal atau pada pagi hari Raya Haji maka hendaklah di-palu lagu 'Perang' daripada waktu sa-belum raja itu bersiram, ia-itu daripada waktu mula di-bawa naik segala alat2 jawatan persiraman itu ka-pancha-pergada atau tempat bersiram dan nobat itu di-palu sa-hingga alatan itu habis kesemua-nya di-angkat dan di-ator dengan sempurna maka baharu-lah paluan nobat itu berhenti.
6. Manakala berangkat sahaja raja pergi ka-tempat persiraman atau panca-per-sada maka di-bunyikan-lah nobat itu dengan lagu 'Arak-arak'. Sa-telah sampai sahaja raja itu ka-atas tempat persiraman-nya maka berhenti-lah paluan nobat itu sa-ketika kemudian berbunyi pula

nafiri-nya tiga kali maka sa-lepas itu nobat pun di-palu pula dengan lagu 'Palu-palu' sahaja. Bila habis raja bersiram maka di-aleh pula paluan nobat itu kepada lagu 'Arak-arak' sa-hingga sampai raja itu kembali naik ka-Istana dan apabila sampai sahaja raja itu ka-dalam Istana-nya maka di-aleh pula lagu nobat itu kepada lagu 'Seri Istana' kerana menghormati raja berpakaian Kerajaan sa-hingga selesai baginda memakai.

7. Apabila sudah selesai memakai maka raja pun berangkat turun ka-Balai-rong kerana isti'adat menjunjung duli atau talabah, maka di-masa itu nobat itu di-palu pula dengan lagu 'Arak-arak' kerana mengiringi perangkatan baginda sa-hingga baginda sampai di-Balai-rong Seri dan berzemayam di-atas singgahsana Kerajaan di-Balai itu dan isti'adat menjunjung duli pun di-mulakan maka ketika itu baharu-lah di-ubah paluan nobat itu kepada lagu "Ibrahim Khalil" kerana itu-lah dia lagu Kerajaan—bahkan lagu ini tiada boleh sa-lain daripada raja memerintah memakai-nya. Apabila telah selesai isti'adat menjunjung duli itu di-jalankan dan baginda berangkat balek ka-Istana maka di-ubah pula paluan nobat itu kepada lagu 'Arak-arak' kerana mengiringkan baginda berangkat ka-Istana dan apabila sampai baginda


ka-Istana maka baharu-lah nobat itu berhenti daripada di-palu.

8. Ada pun adab memalu nobat yang sempurna, ia-itu bila ahli2 nobat itu di-kehendaki memalu-nya sambil berdiri bersaf2, seperti yang telah terdahulu sebutan-nya, ada-lah di-kehendaki di-jalankan tertib atoran-nya hanya apakala dua lagu2 "**Ibrahim Khalil**" dan "**Iskandar Shah**" itu sahaja di-mainkan.
9. Tatkala memalu nobat lagu 'Seri Istana' atau memalu waktu raja bersiram tabal ada-lah keadaan memukul-nya sambil duduk tetapi di-kehendaki dengan tertib atoran duduk bersaf2 seperti yang tersebut di-atas itu juga; manakala pada lagu2 yang lain ada-lah terpulang adab atoran tertib-nya kepada kesukaan Leila Perkasa, penghulu nobat dan Leila Sengguna, penghulu gendang dan orang2 mereka sama ada hendak memalu sambil duduk atau berdiri.

Demikian-lah adab tertib paluan nobat di-terangkan atas kadar yang dapat di-ingat, di-kutip dan di-salin daripada surat2 lama dan daripada bertemu dan bertanya kepada orang tua2 Riau Lingga, yang masih ada lagi di-Singapura, Johor dan Selangor.

Di-tuliskan 'adat atoran nobat ini dengan keadaan yang lanjut sedikit dan di-jadikan kandungan satu bab khas kerana nobat itu pada 'adat isti'adat diraja Melayu zaman dahulu ada-lah daripada bahagian yang amat di-muliakan dan di-gunakan dia pada hampir2 kesemua majlis2 isti'adat diraja yang besar2. Pendek-

nya nobat itu, pada perbandingan, ada-lah jauh lebih tinggi pengertian kemuliaan-nya pada umat Melayu dahulu daripada pengertian kehormatan umat Melayu zaman sekarang kepada Band Perjawatan (Official Band) atau State Band itu ada-nya.



"TEPAK SIREH"



"PUAN"

III

'ADAT PERATORAN RAJA KAHWIN

'Adat Peratoran Mas-kahwin Raja2 Melayu di-dalam Kerajaan Riau Lingga dan segala daerah ta'alok-nya, yang telah di-tetapkan oleh Kerajaan dari zaman-berzaman.

I. MAS-KAHWIN RAJA SAMA RAJA MEMERENTAH.

Ada pun kelengkapan mas-kahwin dan belanja di-antara raja sama raja memerintah ada-lah di-tetap-kan saperti berikut:—

- I. Mas-kahwin: emas sa-kati.
- II. Belanja \$800/- (jika sama adek-beradek \$400/-), dan hantaran ia-lah:
- III. Chindai emas 16 talam, 8 helai pada sa-talam; sa-tengah (separoh) jika sama adek-beradek, tetapi talam-nya 16 juga.
- IV. Kain berantai 16 talam, 4 helai pada sa-talam—(separoh).
- V. Kain bertabor 16 talam, 4 helai pada sa-talam—(separoh).
- VI. Kain telepok 16 talam, 4 helai pada sa-talam—(separoh).
- VII. Kain bugis 4 kudi, dalam 16 talam, 5 helai sa-talam—(separoh).
- VIII. Kain sutera 4 kudi, dalam 16 talam, 15 helai sa-talam—(separoh).
- IX. Kain batek 4 kudi, dalam 16 talam, 5 helai sa-talam—(separoh).

- X. Khasa bunga emas, 128 kayu, dalam 16 talam, 8 kayu sa-talam—(separoh).
- XI. Budak2 Dapa, 16 orang, 8 laki2, 8 perempuan—(separoh).
- XII. 8 bentok chinchin intan, 8 kgrat pada sa-bentok—(separoh).

Tiap2 satu talam atau bekas barang2 yang tersebut di-atas itu, kechuali budak2 dapa, ada-lah di-bawa tiap2 satu-nya oleh sa-orang pembawa-nya dan sa-lain daripada pembawa2 barang2 itu maka hendak-lah ada pula menyertai bersama2 angkatan menghantar belanja itu penjawat2 seperti berikut:—

- (a) enam belas orang penjawat kain dukong—delapan orang sa-belah,
- (b) sa-orang penjawat keris,
- (c) sa-orang penjawat tepak, dan
- (d) sa-orang penjawat ketor.

Kesemua mereka ada-lah menyelampai wali, melainkan yang membawa mas-kahwin menyelampai tetampan. (*Wali* = kain selampai bahu kanan warna putih; *telampan* selampai bahu kiri, warna kuning.)

2. TERTIB PERARAKAN MENGHANTAR BELANJA

Ada pun yang di-bawa berjalan dahulu di-dalam perarakan ini ia-lah mas-kahwin dan ringgit belanja, kemudian mempelai berjulung di-bawah payong ubor2 kuning dan di-ikuti oleh yang lain2 seperti peratoran yang berikut, ia-itu:—

- (a) chindai
- (b) khasa
- (c) kain2
- (d) budak2 dapa

- (e) enam belas orang penjawat kain dukong, delapan orang sa-belah berjalan di-kiri kanan mempelai
- (f) penjawat keris
- (g) penjawat tepak
- (h) penjawat ketor.

Kemudian di-ikuti pula di-belakang-nya sa-orang membawa Tombak Kebesaran berjalan dahulu sedikit daripada dua barisan delapan orang sa-belah membawa sa-orang sa-batang tombak dan di-belakang dua barisan tombak2 itu berjalan gendang2 nobat dengan serunai nafiri-nya.

Apakala sahaja angkatan mas-kahwin itu mulai berjalan maka nobat pun mulai-lah di-palu dan meriam pun di-pasang enam belas das.

Peringatan: Biasa-nya pada masa menghantar mas-kahwin dan belanja itu-lah juga mempelai itu di-'akadkan.

3. MAS-KAHWIN BAGI ANAK2 RAJA DAN ORANG2 LAIN.

Ada pun mas-kahwin dan hantaran belanja bagi anak2 raja lain daripada raja memerintah dan orang2 lain ada-lah saperti berikut:—

- I. Anak2 raja kebanyakan \$400/-, di-sebutkan pada bahasa dan pada 'akad sa-kati emas.
- II. Janda raja memerintah, \$100/-, kain sa-helai dan chinchin sa-bentok.
- III. Orang dalam (erti-nya orang2 dalam Istana), \$44/-, kain sa-helai dan chinchin sa-bentok.
- IV. Anak2 dato' \$100/-, kain sa-helai dan chinchin sa-bentok.

- V. Keturunan Bugis, \$18/-, kain sa-belai dan chinchin sa-bentok.
- VI. Anak baik2 Bugis, \$60/-, kain sa-belai dan chinchin sa-bentok.
- VII. Lain2 orang kebanyakan, \$11/-, kain sa-belai dan chinchin sa-bentok, dan lain2 hantaran ada-lah mengikut persetujuan di-antara kedua pihak.

4. 'ADAT ISTI'ADAT MENGARAK MEMPELAI RAJA BERUSONG.

Ada pun tertib 'adat isti'adat mengarak mempelai raja berusong (demikian juga kira-nya mengarak kedua2 pengantin laki2 dan perempuan sa-kali) ada-lah lebih kurang seperti berikut tertib peratoran-nya:—

- I. Kemudian daripada kumpulan2 yang terdiri dari perempuan2 penganjor dan robana dzikir maka berjalan-lah usongan diraja berkelambu atau berkhemahkan kain sutera warna kuning ia-itu jika Yang Di-Pertuan Besar atau Sultan, tetapi kalau Yang Di-Pertuan Muda atau Putera Mahkota maka warna-nya ia-lah hijau.
- II. Ada pun yang duduk di-atas usongan itu ia-lah mempelai sa-orang (atau bersama pengantin perempuan) dan pawai2-nya (penjawat2) yang bersama di-atas usongan itu ia-lah: sa-orang penjawat tepak, sa-orang penjawat keris panjang, sa-orang penjawat ketor, sa-orang penjawat ternang dan tiap2 sa-orang menyelampai tetampan.
- III. Ada pun yang berjalan di-tanah ia-lah penjawat2 puan, mereka berjalan di-hadapan usongan—di-hadapan yang membawa puan

itu pula ia-lah orang2 membawa bungkusan, dan di-hadapan puan itu berjalan sa-orang yang membawa tombak Kerajaan.


- IV. Berjalan di-hadapan Tombak Kerajaan itu ia-lah pasokan nobat.
- V. Pada kiri kanan pasokan nobat itu, berjalan barisan2 orang2 membawa tombak atau senapang, delapan sa-belah.
- VI. Pada kiri kanan usongan itu berjalan barisan 16 orang penjawat2 kain dukong, delapan orang sa-belah, tiap2 sa-orang menyelempai tetampan.
- VII. Di-belakang kain dukong berjalan pula keromong segala bunyi2an.
- VIII. Di-keliling usongan itu berkembangan delapan atau empat payong ubor2—jika delapan, empat berwarna kuning dan empat berwarna putih, jika empat, dua kuning dan dua putih.

Apabila sahaja perarakan diraja itu mulai berjalan maka meriam pun di-bedil 7, 9 atau 16 das, dan dengan bedilan meriam itu-lah di-ketahui orang yang perarakan diraja itu telah mulai berangkat di-dalam perjalanannya. Bagitu juga bila sahaja perarakan itu tiba ka-tempat yang di-tujui-nya maka di-pasang lagi sa-kali meriam itu sa-bagai tanda sambutan tuan puteri akan suami-nya.

5. 'ADAT ISTI'ADAT BERIKRAR SETIA.

- I. Yang pertama di-kerjakan bagi persediaan mengadakan majlis isti'adat ini ia-lah menghiasi balai-rong saperti yang biasa di-lakukan bila hendak mengadakan 'adat isti'adat raja bekerja.

- II. Di-letakkan tempat persemayaman raja itu di-kepala Balai-rong atau Seri Balai.
- III. Kemudian berhimpun-lah sakalian mereka yang di-kehendaki dan di-benarkan ka-situ.
- IV. Sa-telah kedudukan orang2 yang hadhir di-majlis itu musta'ed maka segala alatan2 yang hendak di-gunakan kerana isti'adat persetiaan itu, seperti surat2, chap mohor dan Qur'an Al-'Azim serta batil ayer dan dian pun di-keluarkan dan di-ator pada tempat masing2.
- V. Ada pun sakalian penjawat2 yang membawa alat2 perkakas itu semua-nya menyelampai tetampun di-bahu kiri masing2 dan dudok mereka bersaf2 di-kiri kanan sa-belah hadapan tempat persemayaman Yang Di-Pertuan Besar atau Sultan itu.
- VI. Yang Di-Pertuan Muda serta anak2 raja dan orang besar2 sakalian pun naik bersemayam dan dudok pada tempat masing2 di-atas Balai, mengadap bertentangan dengan tempat persemayaman Yang Di-Pertuan Besar.
- VII. Kemudian daripada telah selesai kelengkapan dan atoran majlis itu maka Yang Di-Pertuan Besar pun berangkat ka-Balai dengan beberapa jawatan2 pengiring-nya dan bersemayam di-tempat-nya manakala penjawat2 baginda itu dudok di-belakang tempat persemayaman baginda.
- VIII. Kemudian berdiri-lah Bentara lalu membacha Surat Persetiaan itu dengan suara yang lantang dan jelas. Pada ketika Surat itu



"PAYONG UBOR-UBOR"



CHOGAN

'A' — CHOGAN NEGARA

'B' — CHOGAN USARA

di-bacha maka Yang Di-Pertuan Besar pun menghantarkan kedua belah tangan baginda ka-atas Qur'an Al-'Azim, walau sa-bentar sahaja pun ada-lah memadai.

- IX. Sa-telah selesai Surat Persetiaan itu di-bacha maka berbunyi-lah nobat (jika ada) dan Yang Di-Pertuan Muda serta sakalian yang hadhir pun menjunjong duli.
- X. Sa-telah selesai menjunjong duli maka nobat pun berhenti di-palu dan meriam pun di-pasang enam belas das.
- XI. Sa-telah genap enam belas das meriam di-bedil maka Yang Di-Pertuan Besar pun berangkat balek ka-Istana dengan di-iringi oleh segala jawatan-nya dan anak2 serta orang2 besar sakalian-nya.
- XII. Akhir-nya anak raja2 dan orang besar2 sakalian-nya kembali, kemudian daripada mengiringkan raja ka-Istana, ka-Balai-rong lalu jamuan pun di-mulakan di-Balai dan Yang Di-Pertuan Muda biasa-nya di-kurnia santap di-Istana dengan sakalian jawatan-nya.

IV

'ADAT ISTI'ADAT MENABAL RAJA

Ia-itu salah sa-orang daripada tiga orang raja:

- (a) *Yang Di-Pertuan Besar, (b) Yang Di-Pertuan Muda atau Bendaharu.*

Kemudian daripada telah selesai muafakat dan dapat keputusan persetujuan yang mu'tamad di-antara orang besar² negeri maka mulai-lah di-beri perintah menchuchi negeri, membaharuī kota dan parit serta mengator Istana dan Balai-rong Seri dan Balai Pancha-persada. Segala jalan² raya mulai di-perbaiki, pekan pesara di-tambah, ra'ayat belantara di-himpunkan, dan khabaran hendak mengadakan isti'adat bagi mengganti dan menabal raja itu pun di-hebahkan ka-sagenap telok rantau dan tokong pulau. Surat² pemberi tahu kapada adek-kakak dan daging-darah yang di-negeri² asing pun di-hantar. Bagitu juga utus surat² jemputan kapada raja² yang di-bawah ta'alok supaya berhimpun bersama² anak isteri dan kaum kerabat sakalian-nya masok ka-dalam negeri itu.

Apabila sudah berhimpun sakalian-nya maka sakalian dato'² dan anak baik² pun masok ka-perdalaman kerana menghiasi Istana, Balai-rong Seri dan Balai Pancha-persada. Segala tiang² yang ada semuanya di-balut atau di-sampul kuning dan segala hiasan yang indah² lagi permai di-pasang di-sarata Istana,

Balai dan Pancha-persada dan lain2 tempat mana2 yang patut.

1. JAWATAN2 ATAU PENJAWAT2 RAJA BERTABAL.

1. Penjawat2 atau Jawatan Kain-dukong itu banyak-nya ia-lah enam belas orang dan mereka adalah senantiasa di-kehendaki mengikut barang ka-mana sahaja raja berangkat. Tatkala di-Pancha-persada mereka duduk di-tingkat yang kedua di-belakang, arah kedudukan Singgahsana dan jika di-Istana atau di-Balai-rong maka kedudukan mereka ia-lah di-belakang Singgahsana.

2. Ada pun bilangan penjawat2 Tabalan raja itu ia-lah sa-ramai enam belas orang, delapan orang laki2 dan delapan orang perempuan sakalian-nya hendak-lah daripada anak2 raja belaka, dan masing2 adalah dengan jawatan-nya serta dengan menyelampai tetampan wali masing2; ada pun yang di-bawa oleh jawatan atau penjawat2 laki2 itu ia-lah:—

- I. Sa-orang membawa pedang, di-panggil Jawatan atau Penjawat Pedang.
- II. Sa-orang membawa chogan, di-panggil Jawatan atau Penjawat Chogan.
- III. Sa-orang membawa keris panjang, di-panggil Jawatan atau Penjawat Keris Panjang.
- IV. Sa-orang membawa tepak, di-panggil Jawatan atau Penjawat Tepak.
- V. Sa-orang membawa ketor, di-panggil Jawatan atau Penjawat Ketor.
- VI. Sa-orang membawa kipas, di-panggil Jawatan atau Penjawat Kipas.
- VII. Sa-orang membawa tempat bara, di-panggil Jawatan atau Penjawat Tempat Bara.

VIII. Sa-orang membawa Qu'ran ul-'azim, di-panggil Penjawat Qur'an ul-'azim.

Ada pun yang di-bawa oleh jawatan atau penjawat2 perempuan itu, ia-lah:—

I. Sa-orang membawa ternang, di-panggil Jawatan atau Penjawat Ternang.

II. Sa-orang membawa kembok, di-panggil Jawatan atau Penjawat Kembok.

III. Sa-orang membawa sembyrap, di-panggil Jawatan atau Penjawat Semberap.

IV. Sa-orang membawa tempat sirih, di-panggil Jawatan atau Penjawat Tepak Sirih.


V. Sa-orang membawa ketor, di-panggil Jawatan atau Penjawat Ketor.

VI. Sa-orang membawa perenjis ayer mawar, di-panggil Jawatan atau Penjawat Perenjis Ayer Mawar.

VII. Sa-orang membawa cheper berteh di-panggil Jawatan atau Penjawat Cheper Berteh.

VIII. Sa-orang membawa cheper beras kunyit, di-panggil Jawatan atau Penjawat Beras Kunyit.

Ada pun jawatan atau penjawat2 perempuan itu terpakai di-dalam masa raja bersiram di-pancha-per-sada dan waktu santap di-Istana, manakala jawatan atau penjawat2 laki2 itu terpakai pada masa raja di-Balai-rong; dan apabila naik ka-Istana maka hendaklah segala alat pawai (alat2 jawatan) yang di-bawa oleh anak2 raja laki2 itu di-sambut orang dan di-serahkan kepada anak2 raja penjawat2 perempuan yang di-Istana itu dan ada pun alat2 pawai bersiram yang di-jawat oleh delapan anak2 raja perempuan




TONGKAT PERJAWATAN

bagi

PENGHULU ISTIADAT

'A' bagi PENGHULU

'B' dan 'C' bagi TIMBALAN atau PENOLONG NYA



'A' — "LEMBENG KERAJAAN"

'B' — "TOMBAK"

itu sedia dahulu terator menanti di-balai pancha-persada itu ada-nya.

2. PANCHIA-PERSADA.

Ada pun Balai Pancha-persada tempat persemayaman raja bersiram itu ada-lah daripada bangunan yang di-bena sembilan tingkat dan tiap2 satu tingkat berlainan bentok buatan-nya. Tingkat pertama, ia-itu tingkat yang atas sa-kali, di-perbuat berkubah dengan empat tiang, dan pada tiap2 satu tiang di-buat dan di-letak bentok rupa sa-ekor naga yang berpesawat—bila di-gerakkan pesawat-nya maka menyembor-lah ayer tawar keluar daripada mulut-nya; dan yang sa-ekor pula menyemborkan ayer panas yang sederhana panas-nya, manakala yang ketiga-nya menyemborkan ayer khalembak kasturi dan naga yang keempat-nya menyemborkan ayer mawar. Pada tingkat atas sa-kali ada-lah di-perbuat satu kubah dan di-bawah-nya di-letakkan sa-buah singgahsana bertiang empat dan berselembayong di-atas-nya dan bersampul dengan kain sutera kuning. Pada tiap2 satu tiang itu ada-lah berdiri sa-orang anak muda daripada orang baik2 menyelampai tetampán kuning berdaun-budikan emas. Ada pun atoran sama ada laki2 atau perempuan-kah yang berdiri pada tiang2 itu ia-lah di-tentukan ia-itu: jika mempelai sahaja yang bersemayam di-singgahsana itu maka anak baik2 laki2 sahaja-lah yang berdiri pada empat2 tiang itu, begitu pula sa-balek-nya jika pengantin perempuan sahaja yang bersemayam di-situ maka perempuan sahaja-lah semua-nya dari anak baik2 yang berdiri di-tiang2 itu, tetapi jika yang bersemayam di-singgahsana itu kedua2 mempelai dan pengantin perempuan-nya atau Sultan dan Sultanah sa-kali maka anak baik2 yang berdiri pada tiang itu

hendak-lah dua orang laki2 dan dua orang perempuan. Ada-lah di-letak di-atas peterakna Singgahsana itu sa-buah kaus atau bangku bersampul dengan kain sutera kuning dan di-atas kaus atau bangku ini-lah dudok-nya raja itu bersiram.

Ada pun 'adat atoran kedudukan di-Pancha-per-sada itu ia-lah seperti berikut:—

- I. Di-tingkat yang pertama (yang atas sa-kali) ia-lah tempat persemayaman raja serta penjawat2 perempuan dan raja2 perempuan yang tua2.
- II. Di-tingkat yang kedua tempat persemayaman anak2 raja perempuan yang muda2 daripada kerabat raja itu juga.
- III. Pada tingkat yang ketiga ia-lah tempat persemayaman anak2 raja perempuan kebanyakan.
- IV. Di-tingkat keempat ada-lah tempat kedudukan isteri2 menteri2 serta kaum kerabat mereka.
- V. Pada tingkat yang kelima ada-lah tempat di-dudokkan gundek2, anak raja2 dan anak orang baik2.
- VI. Di-tingkat yang keenam ada-lah tempat bagi hamba2 raja yang perempuan.
- VII. Pada tingkat yang ketujuh ada-lah di-sediakan tempat kedudukan isteri2 penghulu dan pegawai2 serta kerabat2 dan anak2 buah mereka yang perempuan sahaja.
- VIII. Tingkat yang kedelapan ada-lah di-untukkan bagi kedudukan perempuan2 dalam Kota raja.

IX. Di-tingkat yang kesembilan ada-lah terbuka bagi sakalian perempuan2 kebanyakan.

Ada pun susunan bagi enam belas orang yang membawa dian, enam belas orang yang membawa kain-dukong dan enam belas atau delapan orang biduan2 itu pada masa di-pancha-persada ada-lah di-dudokkan:—

- (a) Kain-dukong di-tingkat yang kedua di-belakang arah letak singgahsana pada tingkat pertama berjajar di-kiri kanan-nya.
- (b) Enam belas orang yang membawa dian adalah di-dudokkan berbaris pada tingkat yang ketiga.
- (c) Enam belas atau delapan orang biduan itu di-dudokkan di-belakang pembawa2 dian.

Di-tanah di-halaman pancha-persada itu di-ator tiga lapis barisan mengelilingi balai pancha-persada itu, ia-itu barisan pertama (yang dekat sa-kali dengan balai itu) orang2 yang menyandang pedang; barisan yang kedua orang2 yang memikul lembing, dan barisan yang ketiga orang2 yang memegang panah; jarak-nya di-antara satu lapis barisan itu dengan yang lain ada-lah kadar yang berpatutan sahaja. Dan lagi pada lapangan di-antara pancha-persada dengan barisan mereka yang menyandang pedang itu ada-lah di-ator beberapa buah kerusi, tempat bersemayam Yang Di-Pertuan Muda dan anak2 raja yang tua2 daripada kerabat2 baginda, manakala di-sakeliling pancha-persada itu berator anak2 raja yang muda2 berdiri dengan tertib sopan dan masing2 berpakaian serba indah.

Peringatan: *Ada-lah di-peringatkan bahawa menurut 'adat isti'adat diraja Melayu ada pun yang*

boleh atau di-benarkan ka-dalam Balai Paecha-persada pada masa isti'adat bersiram hanya-lah orang2 perempuan sahaja menurut susunaa seperti yang di-sebutkan di-atas itu—orang laki2, sa-lain daripada raja yang bersiram dan anak2 muda yang berdiri li-tiang, seperti yang tersebut di-atas tiada sa-kali2 boleh di-benarkan ka-dalam Paecha-persada itu pada masa isti'adat persiram-an raja itu di-jelaskan.

3. BALAI-RONG SERI.

Balai-rong Seri itu ada-lah terhias dengan sempurna-nya dan segala tiang2-nya di-sampul atau di-balut dengan kain sutera kuning dan di-dalam-nya di-gantong tirai dan langit2, manakala pada dinding Seri Balai itu di-gantong tabir gunung, dan di-letak di-hadapan-nya singgahsana berkain sampai berdaunbudikan emas dan di-atas singgahsana itu di-letak poterakna dengan bantal seraga di-atas sa-belah belakang-nya. Di-atas peterakna itu-lah raja akan bersemayam masa di-jalankan isti'adat menjunjung duli. Bagitu juga-lah di-dalam Istana itu di-ator dan di-seediakan pelamin dan singgahsana.

4. PERMULAAN MELETAK KERJA.

Apabila telah selesai dan sempurna-lah segala perediaan dan kelengkapan maka Yang Di-Pertuan Muda atau Bendahara pun mulai-lah mengishtiharkan **meletak kerja**, maka dengan yang demikian berhimpun-lah sakalian raja2 dan orang2 besar masuk ka-perdalaman dan nobat pun mulai-lah di-palu tujuh kali pada sa-hari, segala permainan pun mulai-lah bermain untok bersuka ria dan jamu-menjamu pun di-jalankan sa-tiap hari dari siang hingga ka-jauh

malam-nya dan dari sa'at itu-lah di-mulakan ber'adat isti'adat di-Balai-rong Seri dan di-Istana di-dalam perkara2 pakaian, kedudukan, makan minum dan lain2-nya—bahkan segala2-nya itu ada-lah di-kehendaki di-jalankan dengan *chermat* dan mengikut 'adat isti'adat yang telah di-tentukan menurut pangkat *merta*bat masing2 maka bagi tiap2 balai itu ada bagi-nya penghulu balai ia-itu daripada orang baik2 dan daripada orang2 yang telah *chukup* faham akan 'adat isti'adat pekerjaan raja besar2 dan mahir pula pada menjalankan-nya. Sa-demikian itu juga bagi Istana itu ada penghulu-nya yang mengerti lagi mahir menjalankan 'adat isti'adat Istana raja, dan kapada-nya-lah terserah kuasa mengator-nya. Daripada hari mula meletak kerja itu-lah jua hari-nya mulai di-jalankan 'adat isti'adat di-dalam istana itu.


5. PENGHULU ISTANA PADA MASA TABAL.

Ada pun Penghulu Istana itu di-perintah oleh Yang Di-Pertuan Muda atau Bendahara bagi meletak dan memulakan perjalanan 'adat isti'adat diraja purba-kala dan di-beri ia memakai baju pandak, jika ia bukan daripada anak raja; jika ia daripada anak raja maka di-beri-lah ia memakai baju 'takua' (baju panjang lengan kechil) dan di-beri memakai rantai emas *terlilit* pada hujung lengan-nya sa-bagai tanda menunjukkan ia mempunyai kuasa memerintah di-dalam Istana di-dalam segala perkara yang berkenaan dengan 'adat isti'adat diraja, dan sa-orang pun tiada boleh melalui apa2 perintah-nya maka di-bawah-nya itu, sa-bagai penolong dan pembantu kapada-nya di-pilih dan di-lantek lagi beberapa orang anak2 raja dan/atau anak baik2 yang berpengetahuan dan mahir

di-dalam pekerjaan raja yang besar2 dan selalu melihat dan mendengar cerita 'adat isti'adat diraja Melayu dan Bugis di-zaman purba.

6. TERTIB KEDUDOKAN DAN PAKAIAN DI-MASA TABAL.

- I. Sakalian anak2 raja yang perempuan pada hari melafazkan tabal ada-lah di-kehendaki memakai baju pandak yang tiada berchorak dan di-dudokkan pada kiri kanan singgah-sana, dan mereka boleh memakai baju sutera dari apa jua pun warna-nya asakan tidak berchorak dan boleh bergelang, berpending, berchinchin dan berkanching di-lengan atau di-dada dan di-leher.
- II. Ada pun raja2 yang perempuan pada hari itu tiada boleh memakai tanda2 perjawatan, yang tersangkut pada leher atau bahu, baik daripada kain atau sapu tangan. Apabila tiba sahaja mereka ka-pintu tela Istana itu maka ada-lah di-kehendaki mereka menanggalkan kain kelumbong dan di-beri kepada budak2 mereka bagi di-pangku atau di-riba sahaja oleh mereka. Apabila sampai sahaja anak2 raja itu ka-pintu Istana maka hendak-lah segera Penghulu Istana itu menyuruh anak2 raja penolong-nya menyilakan mereka naik dengan bahasa yang lemah lembut dan dengan tertib sopan-santun-nya, akan tetapi jika yang berangkat datang itu anak raja2 besar maka Penghulu Istana sendiri-lah yang di-kehendaki mempersilakan-nya. Sakalian yang datang itu



"PEDANG KERAJAAN"

(tersarong)



"PEDANG KERAJAAN"

(Kerajaan)

hendak-lah segera naik dan dudok di-mana² tempat yang di-atorkan dengan kelakuan yang tertib kerana menghormati majlis diraja yang amat besar itu.

III. Ada pun gundek² kapada anak raja² maka ada-lah mereka itu di-dudokkan pada kiri kanan tela, saperti tertib kedudukan anak raja² itu juga.

IV. Ada pun isteri² kapada dato'² serta anak² buah mereka dan anak baik² ada-lah tempat kedudukan mereka di-sabelah kiri tela.

V. Hamba² raja ada-lah di-dudokkan pada tengah² telah bersebelahan dengan perempuan² Bugis.

VI. Orang kebanyakan dan hamba² orang baik² ada-lah di-tempatkan di-serambi Istana.

7. 'ADAT ATORAN NOBAT PADA MASA TABAL.

Nobat itu ada-lah di-palu pada waktu mula meletak kerja, di-palu tujuh kali pada sa-hari sa-malam, ia-itu:—

- I. Pada tiap² petang hingga sampai waktu maghrib,
- II. Waktu 'Isha,
- III. Waktu suboh,
- IV. Waktu raja santap,
- V. Waktu raja berangkat ka-Balai-rong,
- VI. Waktu raja kembali ka-Istana dari Balai-rong, dan
- VII. Waktu raja beradu.

Bila berhenti sahaja maka meriam pun di-pasang dan gemelan2 pun di-palu-lah.

8. 'ADAT ATORAN BIDUAN, DIAN DAN KAIN-DUKONG PADA MASA TABAL.

- I. Ada pun bilangan biduan yang di-kehendaki ia-lah enam belas atau delapan orang dan, mereka itu di-dudokkan pada rembah di-Istana; apabila raja berangkat ka-Balai Pancha-persada atau ka-Balai-rong maka biduan2 itu pun turun juga mengiringkan, berjalan di-belakang pembawa2 dian. Apabila sampai ka-Balai Pancha-persada maka di-dudokkan mereka di-belakang pembawa2 dian, dan jika di-Balai-rong maka berdiri-lah mereka pada sisi peghan Balai itu sambil memalu rebana.
- II. Pembawa dian ia-lah enam belas orang bilangan-nya, dan apabila di-Pancha-persada mereka di-dudokkan di-hadapan biduan2 ia-itu pada kiri kanan tingkat yang ketiga, apabila di-Istana mereka dudok di-tengah2 Istana antara dua perbalaian, dan apabila berjalan, mereka pada kiri kanan usongan raja.
- III. Ada pun jawatan atau penjawat2 kain-dukong berjumlah enam belas orang semua-nya dan mereka ada-lah mengiringkan ka-mana2 sahaja raja berangkat, dan jika di-Pancha-persada mereka dudok pada tingkat yang kedua, ka-belakang daripada arah letak singgahsana, dan jika di-Istana atau di-Balai-rong mereka dudok di-belakang singgahsana.

9. 'ADAT ATORAN PERSIAPAN
ANGKATAN PERARAKAN.

Apabila sampai-lah sa'at ketika-nya yang baik maka raja pun di-pakaikan-lah dengan pakaian Kerajaan dan nobat pun di-palu lagu "Seri Istana". Setelah lengkap berpakaian maka raja pun di-naikkan ka-atas usongan yang bersalut kain kuning dengan sa-orang penyandang pedang berjulang di-bawa berjalan di-hadapan usongan itu.

Ada pun yang naik bersama2 raja di-atas usongan itu ia-lah jawatan atau penjawat2 yang tersebut seperti berikut:—

- (1) Chogan,
- (2) Keris,
- (3) Ketor,
- (4) Beras Kunyit,
- (5) Dua orang anak raja yang tua2 berdiri pada hadapan dan belakang usongan itu menjadi gembala atau ketua usongan itu dengan menyelampai tetampan,
- (6) Delapan atau empat penjawat yang menyelampai wali dudok berator mengadap raja sahaja.

Maka pada tiap2 satu daripada empat penjuru usongan itu berdiri sa-orang yang kerja-nya sentiasa menghamborkan beras kunyit yang berchampur dengan keping2 emas dan perak di-sapanjang jalan.

Bila usongan atau perarakan itu mulai bergerak maka dengan serta-merta itu juga terkembang-lah delapan payong ubor2—empat berwarna kuning dan empat berwarna puteh—memayongi usongan itu di-sapanjang jalan. Pasokan nobat dengan atoran saf-nya berjalan di-hadapan itu dengan dua barisan, em-

pat orang sa-belah; orang membawa tombak berjalan di-kiri kanan-nya; manakala di-belakang nobat dan betul di-hadapan usongan itu berjalan sa-orang membawa sa-batang Tombak Kerajaan. Di-kiri kanan usongan itu ka-belakang daripada-nya dua barisan 16 orang membawa dian—delapan sa-belah, dan betul di-belakang usongan itu enam belas orang penjawat menyelampai kain-dukong, dan di-belakang kain-dukong berjalan 16 atau 8 orang biduan, dan di-belakang biduan berjalan orang banyak dan di-belakang-nya berjalan keromong atau gemelan.

10. 'ADAT PERARAKAN KA-PANCHA-PERSADA DAN BALEK KA-ISTANA.

Bila sahaja perarakan itu mulai bergerak maka nobat pun di-palu lagu "Iskandar Shah" dan meriam pun di-pasang 16, 11 atau 7 das hingga sampai perarakan itu ka-Balai Pancha-persada dan ketika itu maka nobat itu pun menukar ragam paluan-nya kapada lagu "Perang", sementara penjawat² dan orang ramai sakalian-nya berator. Sa-telah itu maka raja pun mulai bersiram dan ketika itu juga nobat pun di-aleh ragam paluan-nya kapada lagu "Palu²", dan sa-telah selesai sahaja raja bersiram maka nobat pun di-tukar pula lagu-nya kapada lagu "Arak-arak" dan meriam pun di-bedil-lah dan perarakan mulai-lah berangkat kembali ka-Istana.

Di-dalam Istana ini raja berzalin memakai pakaian Kerajaan, dan ketika itu nobat di-palu lagu "Seri Istana", dan sa-telah lengkap berpakaian maka baginda pun berangkat naik sa-mula ka-atas usongan dan berangkat ka-Balai-rong dengan sakalian jawatan-nya sa-rupa bagaimana peratoran berarak ka-Pancha-persada itu juga.

11. 'ADAT ISTI'ADAT TAULIAH DAN
MENJUNJONG DULI DI-BALAI-RONG SERI.

Sa-tiba-nya di-Balai-rong Seri maka raja pun di-sambut oleh Yang Di-Pertuan Muda dan di-bawa ber-semayam di-atas singgahsana dan sakalian jawatan atau penjawat itu di-dudokkan berator saperti tertib atoran yang telah terdahulu di-sebutkan chara-nya. Sa-telah terator semua-nya maka nobat pun di-palu lagu "**Ibrahim Khalil**"—lagu Ibrahim Khalil ini hanya boleh di-palu khas bagi Yang Di-Pertuan Besar sahaja, sa-kali2 tiada boleh bagi yang lain2 mengikut 'adat isti'adat diraja Melayu sa-jati.

Sa-sudah itu maka Yang Di-Pertuan Muda serta sakalian orang2 besar negeri pun berdiri-lah di-sabelah kiri Seri Balai, dan jika ada orang2 besar daripada bangsa2 kulit puteh maka boleh-lah di-tempatkan mereka di-sabelah kanan.

Sa-telah itu maka tampil-lah Yang Di-Pertuan Muda di-iringi oleh sa-orang 'alim menghampiri dan berdiri dekat dengan singgahsana, seraya Yang Di-Pertuan Muda bersabda demikian lebeh kurang dan ringkas-nya: "Daulat tuanku, patek sakalian sa-tengah daripada anil-hal wal-'aqad mentauliah serta menzahirkan Duli Tuanku Yang Maha Mulia menjadi raja di-dalam negeri, serta daerah ta'alok-nya dengan bergelar SultanShah. Maka ada-lah patek2 sakalian berharap Duli Tuanku kelak mengikut titah perintah Allah dan Rasul-nya sa-bagaimana yang terkandung di-dalam Qur'an ul-'azim dan Hadjth Syedul-Mursalin. (Ketika di-sebut sahaja Qur'an ul-'azim tangan-nya pun menunjok kapada Al-Qur'an ul-Karim, yang sa-masa itu sedang di-riba oleh sa-orang penjawat daripada anak raja.) Sa-telah

itu maka baharu-lah orang 'alim itu membacha do'a selamat dan kemudian dengan bersatu suara sakalian yang hadhir menyeru tiga kali berturut2 seruan "Daulat Tuanku!" Kemudian daripada itu maka sakalian-nya pun turun-lah daripada Balai itu melainkan yang tinggal ia-lah raja dengan sakalian juak2-nya serta dua orang Bentara.

Ada pun di-dalam masa Yang Di-Pertuan Muda mentauliahkan itu, paluan nobat di-berhentikan dan sa-orang pun di-dalam majlis itu tiada di-benarkan berkata2 walau sa-patah jua pun, melainkan mendingar sahaja akan lafaz tauliah yang di-lafazkan oleh Yang Di-Pertuan Muda itu.

Kemudian daripada itu maka Yang Di-Pertuan Muda pun turun dan berdiri di-atas tikar pajar ber-alas permaidani mengadap ka-Balai-rong dan di-bela-kang-nya berdiri bersaf2 sakalian menteri dan di-bela-kang-nya pula anak2 raja yang muda2, dan di-bela-kang-nya sakalian orang2 besar dan dato'2, kemudian di-belakang mereka itu pula berdiri sakalian hulu-balang pahlawan, dan di-belakang mereka berdiri pula sakalian orang baik2 dan di-belakang sa-kali berdiri sakalian ra'ayat jelata yang ada.

Sa-telah lengkap terator yang demikian itu, maka nobat pun di-palu lagu "Ibrahim Khalil", dan pada ketika itu juga Bentara datang bertelut ka-hadapan Yang Di-Pertuan Muda, sambil dudok menongkatkan lutut kanan-nya manakala kaki-nya di-jelapokkan lalu mengangkat sembah seraya berkata: "Ampun, Tuanku Yang Di-Pertuan Muda, titah di-silakan." Kemudian Yang Di-Pertuan Muda pun berangkat pergi mengadap dan menjunjong-duli. Kemudian dari-

pada itu maka Bentara pun berseru, sambil berdiri sahaja, memanggil dengan suara kuat akan nama orang2 besar, dan sakalian-nya pun tampil menjunjung duli sa-orang demi sa-orang.


Sa-telah sempurna dan selesai isti'adat menjunjung duli itu di-lakukan maka nobat pun di-aleh pualan-nya kepada lagu "Arak-arak" dan meriam pun di-pasang; sa-telah itu maka raja pun di-usong dan di-arak berangkat balek ka-Istana kerana santap nasi adap2an, manakala di-Balai-rong pun jamuan di-peredarkan dan sedekah daripada wang dan emas perak pun di-keluar dan di-bahagikan kepada fakir miskin ada-nya.

12. ISTI'ADAT PAKAIAN MASOK KA-PERDALAMAN DI-MASA TABAL.

- I. Bermula bagi laki2 yang hendak masok ka-perdalaman di-masa tabal itu ada-lah di-tegah daripada memakai baju khas, ia-itu baju kurong berlidah, kanching mopon atau kanching kerawang, baju dalam kain dan keris ka-belakang, tetapi hendak-lah berikat pinggang atau berpending atau lain-nya di-luar kain dan keris ka-hadapan dan baju di-lepaskan keluar dan boleh berbaju sutera dan berchorak.
- II. Bagi perempuan ada-lah di-tegah berbaju takua (baju khas panjang) berkanching lengan membujur, kanching dada berjajar, berbaju sutera berchorak, baju antelas, baju berantai, kain tiada berkepala, kain telepok, kain berantai puteh, kain chit, kain pelangir dan kain berchorak.

- III. Ada pun anak2 raja yang perempuan pada hari tabal hendaklah semua-nya memakai baju pandak, akan tetapi bolehlah mereka memakai baju sutera yang tiada berchorak, baju telepok tidak berchorak, kain berantai yang tidak berwarna putih.
- IV. Apabila sampai sahaja anak2 raja yang perempuan itu ka-pintu tela maka hendaklah kain tudong (kelumbong) mereka itu dibuka dan di-berikan kepada budak2 pengiring masing2 supaya di-riba-nya—tidak di-benarkan di-sangkut di-bahu-nya. Dan juga boleh anak2 raja itu berkanching lengan membujur, bertudong kepala berbunga, berenda atau berkait.
- V. Ada pun orang2 perempuan kebanyakan boleh memakai kanching lengan berlingkong, bertudong kepala putih, berkain sutera, kain berkepala benang emas, kain Bugis, kain tenun Palembang dan kain batek serta boleh mereka berpending.


Mereka sakalian-nya itu apabila sahaja masuk ka-dalam Istana hendaklah masing2 mengamati akan tempat kedudukannya mengikut pangkat mertabat-nya yang di-tentukan dan mana2 yang tiada tahu hendaklah bertanya kepada Penghulu Istana atau penolong-nya dan perentah Penghulu Istana itu tiada boleh di-ingkari oleh sa-siapa pun. Bagitu juga-lah di-kehendaki orang2 laki2 itu dudok di-mana2 jua yang telah sedia di-atorkan di-Istana atau di-Balai-rong.



WALI

(WARNA PUTIH)

di selampai di bahu kanan.



"SELKIPANG"

(bagi yang membawa Tombak Payung dan lain2)

Peringatan: *Sa-yogia di-ingat bahawa orang ramai yang di-tanah dan di-jalan2 raya tiada-lah termasuk pada atoran 'adat isti'adat ini.*